

SURAH TEMPAT TERTINGGI



Surah: 7 Juzuk: 8/9 Bil. Ayat: 206

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.*

1. Alif, Laam, Miim, Saad.
2. Al-Quran yang diturunkan kepadamu (wahai Muhammad). Maka janganlah ada perasaan bimbang dalam dadamu terhadapnya, agar engkau memberi peringatan dengan al-Quran itu (kepada orang yang ingkar) dan agar menjadi peringatan bagi orang yang beriman.
3. (Katakanlah wahai Muhammad): «Ikutilah apa yang telah diturunkan kepada kamu daripada Tuhan kamu dan janganlah kamu mengikut pemimpin selain daripada Allah (tetapi) sangat sedikit daripada kamu yang mengambil peringatan».
4. Dan berapa banyak negeri yang Kami binasakan iaitu datangnya azab Kami menimpa penduduknya pada malam hari atau ketika mereka sedang berehat di tengah hari.
5. Maka tidak ada yang dapat mereka ucapkan ketika datangnya azab Kami melainkan berkata: «Sebenarnya kami adalah orang yang zalim».

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْمَصِّ ١

كَيْتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ فَلَا يَكُنْ فِي صَدْرِكَ حَرَجٌ
مِّنْهُ لِتُنذِرَ بِهِ وَذِكْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ٢

اتَّبِعُوا مَا أَنْزَلْنَا إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُمْ وَلَا تَتَّبِعُوا مَن
دُونِهِ أُولَٰئِكَ قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ ٣

وَكِرْمَانَ قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَاهَا فَجَاءَهَا بَأْسُنَا
بَيْتًا أَوْ هَمًّا فَأَقْبَلُوهَا ٤

فَمَا كَانَ دَعْوَاهُمْ إِذْ جَاءَهُمْ بَأْسُنَا إِلَّا أَن
قَالُوا إِنَّا كُنَّا ظَالِمِينَ ٥

6. Maka sesungguhnya Kami akan menyoal umat yang telah diutuskan (para rasul) kepada mereka. Sesungguhnya Kami akan menyoal juga para rasul itu.
7. Sesungguhnya Kami akan menceritakan kepada mereka (rasul dan umatnya) berdasarkan ilmu (yang meliputi akan apa yang mereka lakukan). Sememangnya Kami tidak sama sekali ghaib (bahkan sentiasa Mendengar, Melihat dan Mengetahui hal ehwal mereka).
8. Dan timbangan amalannya pada hari itu adalah benar. Maka sesiapa yang berat timbangan amalannya (yang baik) maka mereka itulah orang yang berjaya.
9. Dan sesiapa yang ringan timbangan amalannya (yang baik) maka mereka itulah orang yang merugikan dirinya sendiri disebabkan mereka berlaku zalim (kufur) terhadap ayat-ayat Kami.
10. Dan sesungguhnya Kami telah menetapkan kamu (memberi kuasa) di bumi dan Kami jadikan padanya (pelbagai jalan) penghidupan (agar kamu bersyukur). Akan tetapi sangat sedikit daripada kamu yang bersyukur.
11. Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu lalu Kami membentuk rupa kamu.

فَلَنَسْأَلَنَّ الَّذِينَ أُرْسِلَ إِلَيْهِمْ وَلَنَسْأَلَنَّ
الْمُرْسَلِينَ ﴿٧﴾

فَلَنَقُصِّنَّ عَلَيْهِمْ بِعِلْمٍ وَمَا كُنَّا غَائِبِينَ ﴿٧﴾

وَأُوْرَنُ يَوْمَئِذٍ الْحَقَّ فَمَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ
فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٨﴾

وَمَنْ خَفَّتْ مَوَازِينُهُ فَأُولَئِكَ الَّذِينَ خَسِرُوا
أَنْفُسَهُمْ يَمَاكَانُوا بِلِقَائِنَا يُظَاهِمُونَ ﴿٩﴾

وَلَقَدْ مَكَّنَّاكُمْ فِي الْأَرْضِ وَجَعَلْنَا لَكُمْ
فِيهَا مَعَادِيشَ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿١٠﴾

وَلَقَدْ خَلَقْنَاكُمْ ثُمَّ صَوَّرْنَاكُمْ ثُمَّ قُلْنَا

Kemudian Kami berfirman kepada para malaikat: «Sujudlah kamu kepada Adam» lalu mereka sujud kecuali iblis. Dia tidak termasuk dalam golongan yang sujud.

12. Allah berfirman: «Apakah yang menghalang dan menyekatmu daripada sujud ketika Aku perintahkanmu?» Iblis menjawab: «Aku lebih baik daripada Adam, Engkau jadikan aku daripada api sedangkan dia daripada tanah».
13. Allah berfirman: «Turunlah dari syurga ini kerana engkau bersikap takbur di dalamnya. Maka keluarlah engkau! Sesungguhnya engkau daripada golongan yang hina».
14. Iblis berkata: «Tangguhkanlah⁽¹⁾ aku sehingga hari mereka dibangkitkan (hari kiamat)».
15. Allah berfirman: «Sesungguhnya engkau adalah daripada golongan yang diberi tempoh (ke suatu masa yang tertentu)».
16. Iblis berkata: «Oleh kerana Engkau (wahai Tuhan) menyesatkan aku (maka) sesungguhnya aku akan bersungguh-sungguh menghalangi mereka (daripada mengikuti) jalanMu yang lurus».

لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا
إِبْلِيسَ لَوْ كُنَّ مِنَ السَّاجِدِينَ ﴿١١﴾

قَالَ مَا مَنَعَكَ آلَا تَسْجُدُ إِذْ أَمَرْتُكَ قَالَ أَنَا خَيْرٌ
مِّنْهُ خَلَقْتَنِي مِن نَّارٍ وَخَلَقْتَهُ مِن طِينٍ ﴿١٢﴾

قَالَ فَاهْبِطْ مِنْهَا فَمَا يَكُونُ لَكَ أَنْ تَتَكَبَّرَ فِيهَا
فَأَخْرَجْنَاكَ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٣﴾

قَالَ أَنْظِرْنِي إِلَى يَوْمٍ يُبْعَثُونَ ﴿١٤﴾

قَالَ إِنَّكَ مِنَ الْمُنظَرِينَ ﴿١٥﴾

قَالَ فِيمَا أُغْوَيْتَنِي لَأَفْعَدَنَّ لَهُمْ صِرَاطَكَ
الْمُسْتَقِيمَ ﴿١٦﴾

1 Berilah tempoh kematian aku dan anak-cucu aku sehingga hari kiamat, sehingga aku berkesempatan menggodanya nabi Adam a.s dan anak-cucunya.

17. «Aku akan mendatangi mereka dari hadapan, belakang dan kanan malahan dari kiri mereka. Engkau akan mendapati kebanyakan mereka tidak bersyukur».

ثُمَّ لَا يَأْتِيهِمْ مِنَ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَمِنْ خَلْفِهِمْ وَعَنْ أَيْمَانِهِمْ وَعَنْ شَمَائِلِهِمْ وَلَا يَجِدُ أَكْثَرُهُمْ شَاكِرِينَ ﴿١٧﴾

18. Allah berfirman: «Keluarlah engkau dari syurga sebagai makhluk yang terhina dan terusir. Sesungguhnya sesiapa di antara mereka yang mengikutimu Aku pasti akan memenuhi neraka Jahannam dengan (golongan) kamu (yang derhaka) semuanya».

قَالَ أَخْرَجْ مِنْهَا مَذْمُومًا مَخْحُورًا لَمَنْ تَبِعَكَ مِنْهُمْ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنْكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿١٨﴾

19. Dan wahai Adam! «Tinggallah engkau dan isterimu di dalam syurga serta makanlah sepuas-puasnya daripada apa yang kamu berdua sukai dan janganlah kamu menghampiri pokok ini. (Jika kamu tetap menghampirinya) maka kamu akan menjadi orang yang zalim».

وَيَقَادِمُ أَسْكُنُ أَنْتَ وَرَوْحُكَ الْجَنَّةَ فَكَلَامًا مِنْ حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ الشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿١٩﴾

20. Setelah itu syaitan pun membisikkan (hasutan) kepada mereka supaya menampakkan aurat mereka yang (sekian lama) tertutup daripada (pandangan) mereka sambil ia berkata: «Tuhan kamu tidak melarang kamu daripada (menghampiri) pokok ini kecuali (kerana Dia tidak mahu) kamu berdua menjadi malaikat atau menjadi orang yang kekal (selama-lamanya di dalam syurga)».

فَوَسَّسَ لَهُمَا الشَّيْطَانُ لِيُبْدِيَ لَهُمَا مَا وُورِيَ عَنْهُمَا مِنْ سَوْءِ تَيْهَمَا وَقَالَ مَا نَهَاكُمَا رَبُّكُمَا عَنْ هَذِهِ الشَّجَرَةِ إِلَّا أَنْ تَكُونَا مَلَائِكَةً أَوْ تَكُونَا مِنَ السَّاكِنِينَ ﴿٢٠﴾

21. Dan ia bersumpah kepada keduanya (dengan berkata): «Sesungguhnya aku adalah daripada mereka yang memberi nasihat kepada kamu berdua».
22. Dengan sebab itu dapatlah ia menjatuhkan mereka berdua (ke dalam larangan) dengan tipu dayanya. Setelah mereka memakan (buah) pohon itu, terdedahlah kepada mereka berdua aurat masing-masing dan mereka mula menutupnya dengan daun (dari) syurga. Tuhan mereka pun menyeru: «Bukankah Aku telah melarang kamu berdua daripada menghampiri pokok itu dan Aku pernah mengatakan kepada kamu bahawa syaitan itu adalah musuh kamu yang nyata?»
23. Mereka berdua merayu: «Wahai Tuhan, kami telah menzalimi diri kami sendiri dan jika Engkau tidak mengampunkan dan merahmati kami, pasti kami termasuk dalam golongan orang yang rugi».
24. Allah berfirman: «Turunlah kamu, sebahagian kamu menjadi musuh bagi sebahagian yang lain. Dan kamu mempunyai tempat kediaman dan kesenangan di bumi hingga ke suatu ketika (mati)».
25. Allah berfirman: «Di bumi itu kamu hidup dan di situ juga kamu mati dan darinya pula kamu akan dikeluarkan (dibangkitkan hidup semula pada hari kiamat)».

وَقَالَتْهُمَا إِنِّي لَكُمَا لِمِنَ النَّاصِحِينَ ﴿٢١﴾

فَدَلَّهُمَا بِعُرْوَةٍ فَلَمَّا أَذَقَا الشَّجَرَةَ بَدَتْ لَهُمَا سَوْءُهُمَا وَطَفِقَا يَخْصِفَانِ عَلَيْهِمَا مِن وَرَقِ الْجَنَّةِ وَنَادَاهُمَا رَبُّهُمَا أَلَمْ أَنْهَكُمَا عَن تِلْكَ الشَّجَرَةِ وَأَقُل لَّكُمَا إِنَّ الشَّيْطَانَ لَكُمَا عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٢﴾

قَالَا رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّنَا تَغْفِرٌ لَّنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٢٣﴾

قَالَ أَهْبِطُوا بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ لَّكُمْ فِي الْأَرْضِ مُسْتَقَرٌّ وَمَتَاعٌ إِلَىٰ حِينٍ ﴿٢٤﴾

قَالَ فِيهَا تَحْبَوْنَ وَفِيهَا تَمُوتُونَ وَمِنْهَا تُخْرَجُونَ ﴿٢٥﴾

26. Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu pakaian untuk menutup aurat dan pakaian perhiasan, dan ketahuilah pakaian yang berupa taqwa itulah yang sebaik-baiknya. Demikian itu adalah sebahagian daripada tanda-tanda kekuasaan Allah semoga mereka mengambil peringatan.
27. Wahai anak-anak Adam! Janganlah kamu diperdayakan oleh syaitan sebagaimana ia telah mengeluarkan kedua ibu bapa kamu dari syurga. Ia menanggalkan pakaian mereka berdua untuk memperlihatkan kepada keduanya aurat mereka. Sesungguhnya syaitan dan kaumnya melihat kamu dalam keadaan yang kamu tidak dapat melihat mereka. Sesungguhnya Kami telah menjadikan syaitan-syaitan itu pemimpin bagi orang yang tidak beriman.
28. Dan apabila mereka melakukan sesuatu perbuatan yang keji, mereka berkata: «Kami dapati nenek moyang kami melakukannya dan Allah perintahkan kami melakukannya». Katakanlah (wahai Muhammad): «Sesungguhnya Allah tidak sama sekali memerintahkan kamu melakukan perbuatan yang keji⁽¹⁾. Patutkah kamu mengatakan terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui?»

يٰۤاٰدَمُ قَدْ اَنْزَلْنَا عَلٰيكَ لِبَاسًا يُورِي
سَوَءَ تَكْوُرٍ وَّ رِيْشًا وَّلِبَاسًا التَّقْوٰى ذٰلِكَ
خَيْرٌ ذٰلِكَ مِنْ ءَايٰتِ اللّٰهِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُوْنَ ﴿٢٦﴾

يٰۤاٰدَمُ لَا يَفْتِنَنَّكَ الشَّيْطٰنُ كَمَا
اَخْرَجَ اٰبَوٰنَكَ مِنَ الْجَنَّةِ يَنْزِعُ عَنْهُمَا
لِبَاسَهُمَا لِيُرِيَهُمَا سَوْءَ بَدَنِهِمَا اِنَّهُ يَرٰكُمْ
هُوَ وَّقَبِيْلُهُ مِنْ حَيْثُ لَا تَرَوْنَهُمْ اِنَّا جَعَلْنَا
الشَّيْطٰنَ اَوْلِيَاۗءَ لِّلَّذِيْنَ لَا يُؤْمِنُوْنَ ﴿٢٧﴾

وَ اِذَا فَعَلُوْا فٰحِشَةً قَالُوْا وَجَدْنَا عَلَيْنَاۤ اٰيٰتَ اللّٰهِ
وَ اللّٰهُ اَمْرًاۙ نٰبِهُۥ اَقْلُ اِنَّ اللّٰهَ لَا يٰمُرُۙ بِالْفَحِشٰٓءِ
اَتَقُوْنُ عَلٰى اللّٰهِ مَا لَا نَعْمُوْنَ ﴿٢٨﴾

1 Seperti syirik.

29. Katakanlah: «Tuhanku memerintahkan agar berlaku adil dan (memerintahkan supaya kamu) menghadapkan wajah (diri) kamu (kepada Allah) setiap kali mendirikan solat dan sembahlah Allah dengan mengikhhlaskan amalan kamu kepadaNya semata-mata. Sebagaimana Dia telah menciptakan kamu pada mulanya, (begitu juga) kamu akan kembali (kepadaNya).
30. Sebahagian (daripada umat manusia) diberi hidayah oleh Allah manakala sebahagian lagi telah pasti kesesatan bagi mereka. Sesungguhnya mereka telah menjadikan syaitan-syaitan itu pelindung (mereka) selain Allah serta mereka menyangka bahawa mereka mendapat hidayah.
31. Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah setiap kali (memasuki) masjid (atau mendirikan solat), makan dan minumlah serta jangan pula kamu berlebih-lebihan⁽¹⁾. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berlebih-lebihan.
32. Katakanlah (wahai Muhammad): «Siapakah yang mengharamkan perhiasan daripada Allah yang telah dikeluarkanNya untuk hambaNya, begitu juga rezeki

قُلْ أَمَرَ رَبِّي بِالْقِسْطِ وَأَقِيمُوا وُجُوهَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَادْعُوهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ
كَمَا بَدَأَكُمْ تَعُودُونَ ﴿٢٩﴾

فَرِيقًا هَدَىٰ وَفَرِيقًا حَقَّ عَلَيْهِمُ الضَّلَالَةُ
إِنَّهُمْ أَخَذُوا الشَّيْطِينَ أَوْلِيَاءَ مِن دُونِ
اللَّهِ وَيَحْسَبُونَ أَنَّهُم مُّهْتَدُونَ ﴿٣٠﴾

يَا بَنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ
وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ
الْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ
وَاطَّيَّبَّتْ مِنَ الرِّزْقِ قُلْ هِيَ لِلَّذِينَ آمَنُوا فِي
الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ كَذَلِكَ
نُفِصِلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣٢﴾

1 Jangan melampaui batas yang diperlukan oleh tubuh dan jangan pula melampaui batas-batas makanan yang diharamkan.

yang baik lagi halal yang dikurniakanNya?» Katakanlah: «Semua itu ialah (nikmat) untuk orang yang beriman dalam kehidupan dunia, (nikmat itu pula) hanya tertentu (bagi orang yang beriman sahaja) pada hari kiamat»⁽¹⁾. Demikianlah Kami jelaskan tanda-tanda kekuasaan Kami satu persatu bagi orang yang mengetahui.

33. Katakanlah: «Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan yang keji sama ada yang nyata atau yang tersembunyi, perbuatan dosa dan menceroboh tanpa alasan yang benar. Kamu juga diharamkan mempersekutukan sesuatu dengan Allah sedangkan Allah tidak menurunkan sebarang bukti (yang membenarkannya) dan (diharamkanNya) kamu memperkatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya.

34. Dan bagi setiap umat ada tempoh (yang telah ditetapkan)⁽²⁾. Maka apabila datang tempohnya, tidak dapat mereka lewatkan walaupun sesaat dan tidak dapat pula mereka dahulukan.

قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّيَ الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ ۖ وَالْإِثْمَ وَالْعُبَىٰ ۚ يَغَيِّرُ الْحَقِّي وَأَنْ تُشْرِكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ سُلْطَانًا ۚ وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا نَعْمُونَ ﴿٣٣﴾

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ ۖ فَإِذَا جَاءَ أَجَلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً ۚ وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٣٤﴾

1 Perhiasan daripada Allah s.w.t dan makanan yang baik itu dapat dinikmati di dunia ini oleh semua sama ada beriman atau tidak, sedang di akhirat nanti adalah semata-mata untuk orang yang beriman sahaja.

2 Tempoh kejayaan dan keruntuhan sesuatu bangsa telah ditetapkan oleh Allah s.w.t.

35. Wahai anak-anak Adam! Jika datang kepada kamu para rasul daripada kalangan kamu yang menceritakan tentang ayat-ayatKu, Maka sesiapa yang bertaqwa dan memperbaiki amalannya, mereka tidak akan merasa bimbang dan tidak akan bersedih.
36. Dan orang yang mendustakan ayat-ayat Kami dan yang sombong daripada mematuhinya, mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.
37. Maka siapakah yang lebih zalim selain daripada orang yang mendustakan Allah atau ayat-ayatNya? Orang itu akan mendapat bahagian mereka (di dunia) apa yang telah tersurat (bagi mereka). Sehingga apabila datang kepada mereka utusan Kami (malaikat) yang mengambil nyawa mereka, malaikat itu bertanya: «Manakah (mahluk) yang kamu sembah selain Allah?» Mereka menjawab: «Semua itu telah lenyap daripada kami». Mereka juga menjadi saksi terhadap diri mereka sendiri bahawa mereka adalah orang yang kafir.
38. Allah berfirman: «Masuklah kamu ke dalam neraka bersama-sama umat yang terdahulu daripada kalangan jin dan manusia. Setiap satu umat

يَبْقَىٰ آدَمَ إِلَّا مَا بُنِينَا كُرُسُلٌ مِّنكُمْ يَفْضُونَ
عَلَيْكُمْ ءَاتِي فَمَنْ أَتَىٰ وَأَصْلَحَ فَلَا خَوْفٌ
عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٥٥﴾

وَالَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَاسْتَكْبَرُوا عَنْهَا
أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٦٣﴾

فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ
بِآيَاتِنَا ۗ أُولَٰئِكَ بِمَا لَمْ يُصِيبْهُم مِّنَ الْكِتَابِ
حَقًّا إِذَا جَاءَتْهُمْ رُسُلُنَا يَتَوَفَّوْنَهُمْ قَالُوا إِنَّا
مَا كُنْزُ نَارٍ نَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ قَالُوا أَضَلُّوا عَنَّا
وَسَيِّئُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَنَّهُمْ كَانُوا كَافِرِينَ ﴿٦٧﴾

قَالَ ادْخُلُوا فِي أُمَمٍ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ مِنَ
الْحَيَّةِ وَالْإِنْسِ فِي النَّارِ كَمَا خَلَتْ أُمَّةٌ

yang masuk, dia akan melaknat saudaranya (golongannya sendiri) sehingga apabila mereka berhimpun di dalamnya, golongan yang masuk kemudian⁽¹⁾ berkata kepada golongan yang masuk dahulu⁽²⁾ di antara mereka: «Wahai Tuhan kami, mereka inilah yang telah menyesatkan kami, maka berilah kepada mereka azab yang berlipat ganda daripada (azab) neraka». Allah berfirman: «Kamu masing-masing disediakan (azab) yang berlipat ganda tetapi kamu tidak mengetahui».

39. Dan orang yang masuk terdahulu di antara mereka berkata kepada orang yang masuk kemudian: «Kamu tidak ada sebarang kelebihan mengatasi kami». (Allah berfirman): «Maka rasakanlah azab disebabkan apa yang kamu telah usahakan».

40. Sesungguhnya orang yang mendustakan ayat-ayat Kami dan yang sombong daripada mematuhi, tidak sama sekali akan dibukakan bagi mereka pintu langit⁽³⁾. Mereka tidak akan masuk syurga sehingga unta memasuki lubang jarum⁽⁴⁾.

لَعَنَتْ أُخْتَهَا حَتَّىٰ إِذَا آذَرَكُوْا فِيهَا جَمِيْعًا
قَالَتْ أُخْرِنَهُمْ لَأُوْلَئِهِمْ رَبَّنَا هَؤُلَاءِ أَضَلُّوْنَا
فَقَاتِلْهُمْ عَذَابًا ضِعْفًا مِّنَ النَّارِ قَالَ لِكُلِّ
ضِعْفٍ وَلَٰكِن لَّا تَعْمَلُوْنَ ﴿٣٨﴾

وَقَالَتْ أُوْلَاهُمْ لِأُخْرِنَهُمْ فَمَا كَانَ لَكُمْ
عَلَيْنَا مِنْ فَضْلٍ فَذُوقُوا الْعَذَابَ بِمَا كُنْتُمْ
تَكْسِبُوْنَ ﴿٣٩﴾

إِنَّ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَاسْتَكْبَرُوا عَنْهَا
لَأَنفَعَهُمْ أَبْوَابُ السَّمَاءِ وَلَا يَدْخُلُوْنَ
الْجَنَّةَ حَتَّىٰ يَبِيْعَ الْجَمَلُ فِي سَعَةِ الْبِلَاطِ
وَكَذَٰلِكَ نَجْزِي الْمُجْرِمِيْنَ ﴿٤٠﴾

1 Pengikut-pengikut.

2 Pemimpin-pemimpin.

3 Doa dan amal mereka tidak akan diterima Allah s.w.t.

4 Mereka tidak mungkin masuk syurga sebagaimana unta tidak mungkin masuk ke dalam lubang jarum.

Demikianlah Kami memberi pembalasan kepada orang yang melakukan dosa.

41. Disediakan untuk mereka hampan⁽¹⁾ daripada api neraka, di atas mereka lapisan penutup⁽²⁾ (dari api neraka). Demikianlah Kami membalas orang yang zalim.
42. Dan orang yang beriman serta beramal soleh, Kami tidak membebani diri seseorang (dengan kewajipan) kecuali sekadar kemampuannya. Mereka itulah penghuni syurga yang kekal di dalamnya.
43. Dan Kami mencabut segala sifat dendam di hati mereka. (Di dalam syurga) sungai-sungai yang mengalir di bawah (tempat) masing-masing dan mereka pula bersyukur dengan berkata: «Segala puji bagi Allah yang telah memberi hidayah untuk (mendapat nikmat) ini dan kami tidak sama sekali akan mendapat hidayah jika Allah tidak memberikan kami hidayah. Sesungguhnya telah datang para rasul Tuhan kami dengan membawa kebenaran». Mereka pula diseru: «Itulah syurga yang diwariskan kepada kamu disebabkan apa yang kamu telah lakukan».

لَهُمْ مِنْ جَهَنَّمَ مِهَادٌ وَمِنْ فَوْقِهِمْ غَوَاشٍ
وَكَذَلِكَ نَجْزِي الظَّالِمِينَ ﴿٤١﴾

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَا نُكَلِّفُ
نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا أُولَئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ
هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٤٢﴾

وَنَزَعْنَا مَا فِي صُدُورِهِمْ مِنْ غَلِيٍّ تَجْرِي مِنْ
تَحْتِهِمُ الْأَنْهَارُ وَقَالُوا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا
لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ
لَقَدْ جَاءَتْ رُسُلٌ رَبِّنَا بِالْحَقِّ وَوُودُوا أَنْ تُلَكُوا
الْجَنَّةَ أَوْرِثْتُمُوهَا بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٤٣﴾

1 Tikar.

2 Selimut.

44. Dan apabila penghuni syurga itu menyeru penghuni neraka dengan berkata: «Sesungguhnya kami telah mendapat apa yang telah dijanjikan oleh Tuhan kami, ternyata semuanya benar. Maka apakah kamu juga telah mendapati apa yang telah dijanjikan oleh Tuhan kamu itu semuanya benar?». Mereka menjawab: «Benar». Kemudian berserulah penyeru (malaikat) di antara mereka (kedua-dua puak itu) menyatakan: «Bahawa laknat Allah ke atas orang yang zalim».
45. Iaitu mereka yang menghalang (dirinya sendiri dan juga orang lain) daripada mengikuti jalan Allah. Mereka juga mencari helah untuk memesongkan jalan yang benar sedangkan mereka pula tidak percaya pada hari akhirat.
46. Dan di antara keduanya (syurga dan neraka) ada tembok (Al-A'raaf¹) yang menjadi pendinding. Di atas tembok Al-A'raaf itu ada sebilangan orang lelaki yang mengenali setiap seorang (daripada penghuni syurga dan neraka) itu dengan tanda masing-masing. Mereka pun menyeru penghuni syurga (dengan memberi salam, katanya): «Salam sejahtera ke atas kamu». Mereka sendiri belum lagi memasuki syurga, sedangkan mereka sangat ingin memasukinya.

وَنَادَىٰ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ أَصْحَابَ النَّارِ أَن قَدْ
 وَجَدْنَا مَا وَعَدَنَا رَبُّنَا حَقًّا فَهَلْ وَجَدْتُمْ مَا وَعَدَ
 رَبُّكُمْ حَقًّا قَالُوا نَعَمْ فَأَذْنَتُ مَوْزِنٌ بَيْنَهُمْ
 أَن لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الظَّالِمِينَ ﴿٤٤﴾

الَّذِينَ يَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَيَبْغُونَهَا عِوَجًا
 وَهُمْ بِالْآخِرَةِ كَافِرُونَ ﴿٤٥﴾

وَبَيْنَهُمَا حِجَابٌ وَعَلَى الْأَعْرَافِ رِجَالٌ يَعْرِفُونَ
 كُلَّ أَسْمَانِهِمْ وَنَادُوا أَصْحَابَ الْجَنَّةِ أَن
 سَلِّمُوا عَلَيْنَا كَمَا نَسَلِّمُ عَلَيْكُمْ لَمْ يَدْخُلُوهَا وَهُمْ يَطْمَعُونَ ﴿٤٦﴾

1 Iaitu tempat yang tertinggi di antara syurga dan neraka.

47. Dan apabila dialihkan pandangan mereka ke arah penghuni neraka, mereka berkata: «Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami bersama orang yang zalim».
48. Dan orang yang berada di atas tembok Al-A'raaf menyeru beberapa orang (kaum kafir) yang mereka mengenali tandanya dengan berkata: «Nampaknya kumpulan kamu yang ramai (atau kekayaan kamu yang besar) dan juga segala apa yang kamu sombongkan dahulu tidak bermanfaat kepada kamu».
49. (Mereka bertanya pula kepada ketua kaum kafir itu dengan berkata): «Itukah orang⁽¹⁾ yang kamu bersumpah bahawa mereka tidak akan mendapat rahmat daripada Allah? (Sekarang dikatakan kepada mereka): “Masuklah kamu ke dalam syurga, tidak ada kebimbangan terhadap kamu dan kamu tidak akan bersedih».
50. Dan (Tuhan menerangkan pula betapa hinanya penghuni neraka dengan firmanNya): penghuni neraka menyeru penghuni syurga (dengan berkata): «Limpahkanlah kepada kami sedikit air atau rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada kamu». Mereka (penghuni syurga) menjawab:

﴿ وَإِذَا صُرِفَتْ أَبْصَارُهُمْ تِلْقَاءَ أَصْحَابِ النَّارِ
قَالُوا رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا مَعَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴾^(٤٧)

﴿ وَنَادَى أَصْحَابُ الْأَعْرَافِ رَجُلًا يَعْرِفُونَهُمْ
بِسِيمَتِهِمْ قَالُوا مَا آغَى عَنْكُمْ جَمْعُكُمْ وَمَا كُنْتُمْ
تَسْتَكْبِرُونَ ﴾^(٤٨)

﴿ أَهْلُوا لَاءِ الَّذِينَ أَقْسَمْتُمْ لَا يَنَالُهُمُ اللَّهُ بِرَحْمَةٍ
أَدْخُلُوا الْجَنَّةَ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا أَنَّهُمْ
يَحْزَنُونَ ﴾^(٤٩)

﴿ وَنَادَى أَصْحَابُ النَّارِ أَصْحَابَ الْجَنَّةِ أَنْ أَفِضُوا
عَلَيْنَا مِنَ الْمَاءِ أَوْ مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ قَالُوا
إِنَّ اللَّهَ حَرَّمَهَا عَلَى الْكَافِرِينَ ﴾^(٥٠)

1 Penghuni syurga.

«Sesungguhnya Allah telah mengharamkan kedua-duanya ke atas orang kafir».

51. (Tuhan berfirman: Orang kafir itu ialah) orang yang menjadikan perkara agama mereka sebagai hiburan yang melalaikan dan permainan serta orang yang telah terpedaya dengan kehidupan dunia. Maka, pada hari ini (hari kiamat), Kami lupakan mereka sebagaimana mereka telah lupa (untuk) menemui hari mereka ini dan juga kerana mereka selalu mengingkari ayat-ayat Kami.
52. Dan sesungguhnya Kami telah datangkan kepada mereka sebuah al-Quran yang Kami telah menjelaskannya satu persatu berdasarkan ilmu⁽¹⁾ untuk menjadi hidayah dan rahmat bagi orang yang beriman.
53. Tidak ada perkara yang mereka tunggu-tunggu kecuali akibat atau kesudahan (apa yang telah dijanjikan oleh Allah di dalam al-Quran). Pada hari datangnya apa yang telah dijanjikan dalam al-Quran itu (pada hari kiamat kelak), orang yang telah melupakannya⁽²⁾ dahulu berkata: «Sesungguhnya telah datang para rasul Tuhan kami dengan membawa kebenaran, maka

الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَهْوًا وَلَعِبًا وَغَرَّتْهُمُ
الْحَيَاةُ الدُّنْيَا فَأَلْجَمُوا يَوْمَ نَسَّاهُمْ كَمَا نَسُوا
لِقَاءَ يَوْمِهِمْ هَذَا وَمَا كَانُوا بِآيَاتِنَا
يَجْحَدُونَ ﴿٥١﴾

وَلَقَدْ جِئْنَاهُمْ بِكِتَابٍ فَصَّلْنَاهُ عَلَىٰ عِلْمٍ
هُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٢﴾

هَلْ يَنْظُرُونَ إِلَّا آتَاءَ إِلَهٍ يَوْمَ يَأْتِي تَأْوِيلَهُ
يَقُولُ الَّذِينَ نَسُوهُ مِنْ قَبْلُ قَدْ جَاءَتْ
رُسُلٌ رَبِّنَا بِالْحَقِّ فَهَلْ لَنَا مِنْ شُفْعَاءَ
فَيَشْفَعُوا لَنَا أَوْ نُرَدُّ فَنَعْمَلْ غَيْرَ الَّذِي
كُنَّا نَعْمَلُ قَدْ حَسِبُوا أَنفُسَهُمْ وَصَلَّ
عَنْهُمْ مَا كَانُوا بِآيَاتِنَا يَفْتَرُونَ ﴿٥٣﴾

1 pengetahuan Allah s.w.t tentang apa yang menjadi kemaslahatan bagi hamba-hambaNya di dunia dan akhirat.

2 Orang yang tidak beramal dengan apa yang digariskan oleh al-Quran.

adakah untuk kami pemberi syafaat supaya mereka memberi syafaat kepada kami atau (bolehkah) kami dikembalikan (ke dunia) supaya kami dapat beramal, selain daripada apa yang kami telah lakukan?» Sesungguhnya mereka telah merugikan diri mereka sendiri lalu lenyaplah daripada mereka perkara yang mereka ada-adakan dahulu.

54. Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menciptakan langit dan bumi dalam tempoh enam hari lalu Dia bersemayam di atas Arasy⁽¹⁾. Dia melindungi malam dan siang yang silih berganti. (Dia pula yang menciptakan) matahari, bulan dan bintang (semuanya) tunduk kepada perintahNya. Ingatlah bahawa hanya kepada Allah jualah urusan menciptakan (seluruh makhluk) dan urusan pemerintahan. Maha Suci Allah yang mencipta dan mentadbirkan seluruh alam.
55. Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) yang perlahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melampaui batas.⁽²⁾

إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ
فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ
يُعْشَىٰ اللَّيْلَ النَّهَارَ يَطْلُبُهُٗ حَثِيثًا
وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومَ مُسْحَرَاتٍ
بِأَمْرِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ ۗ تَبَارَكَ اللَّهُ
رَبُّ الْعَالَمِينَ ﴿٥٤﴾

ادْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ
الْمُعْتَدِينَ ﴿٥٥﴾

1 Iaitu salah satu sifat Allah s.w.t yang wajib kita imani, sesuai dengan kebesaran Allah s.w.t dan kesucianNya.

2 Melampaui batas tentang berdoa dan cara berdoa.

56. Dan janganlah kamu melakukan kerusakan di bumi setelah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya. Berdoalah kepadaNya dengan perasaan bimbang dan penuh pengharapan (agar diperkenankan). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang yang melakukan kebaikan.

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا
وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ
مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

57. Dan Dialah yang mengirimkan angin sebagai pembawa berita yang menggembirakan sebelum datang rahmatNya (iaitu hujan) hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan dia ke negeri yang mati lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu pelbagai jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan) orang yang telah mati, semoga kamu mengambil peringatan.

وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيْ
رَحْمَتِهِ حَتَّىٰ إِذَا أَقَلَّتْ سَحَابًا نِّقَالًا سَفَّنتَهُ
لِبَلَدٍ مَّيِّتٍ فَأَنْزَلْنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِ
مِن كُلِّ الثَّمَرَاتِ كَذَلِكَ نُخْرِجُ الْمَوْتَىٰ
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥٧﴾

58. Dan negeri yang baik (tanahnya), tumbuhannya tumbuh (subur) dengan izin Allah. Negeri yang tidak baik (tanahnya) tidak tumbuh tanamannya kecuali dalam keadaan terbantut. Demikianlah Kami menerangkan tanda-tanda kekuasaan Kami dengan pelbagai cara bagi orang yang bersyukur.

وَالْبَلَدِ الطَّيِّبِ يُخْرَجُ بِإِذْنِ رَبِّهِ وَالَّذِي
خَبثٌ لَا يُخْرَجُ إِلَّا لِنَكْمَةٍ كَذَلِكَ نُصَرِّفُ
الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ ﴿٥٨﴾

59. Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nuh kepada kaumnya lalu dia berkata: «Wahai kaumku! Sembahlah Allah, tidak

لَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ فَقَالَ يَا قَوْمِ
اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُ وَإِنِّي أَخَافُ
عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿٥٩﴾

ada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Sesungguhnya aku bimbang, kamu akan ditimpa azab pada hari yang besar (kiamat)».

60. Ketua daripada kaumnya berkata: «Sesungguhnya kami melihatmu (wahai Nuh) berada dalam kesesatan yang nyata».
61. Nuh menjawab: «Wahai kaumku! Tidak ada padaku sebarang kesesatan tetapi aku adalah seorang rasul daripada Tuhan semesta alam».
62. «(Tugasku) menyampaikan kepada kamu perintah Tuhanku serta menasihati kamu sedang aku mengetahui daripada Allah apa yang kamu tidak mengetahuinya.⁽¹⁾»
63. «Adakah kamu merasa hairan tentang datangnya kepada kamu peringatan daripada Tuhan melalui seorang lelaki daripada golongan kamu untuk memberi peringatan kepada kamu? Bertaqwalah kamu. Semoga kamu dirahmati».
64. Mereka terus mendustakannya lalu Kami selamatkan dia dan orang yang bersamanya di dalam bahtera. Kami karamkan orang yang mendustakan ayat-ayat Kami. Sesungguhnya mereka adalah kaum yang buta.

قَالَ الْمَلَأُ مِنْ قَوْمِهِ إِنَّا لَنَرَاكَ فِي صَلَلٍ
مُّبِينٍ ﴿٦٠﴾

قَالَ يَنْقُورُ لَيْسَ بِي ضَلَالَةٌ وَلَٰكِنِّي رَسُولٌ
مِّن رَّبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٦١﴾

أُبَيِّغُكُمْ رِسَالَتِ رَبِّي وَأَنْصَحُ لَكُمْ
وَأَعْلَمُ مِنَ اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٦٢﴾

أَوْعَجِبْتُمْ أَنْ جَاءَكُمْ ذِكْرٌ مِّن رَّبِّكُمْ
عَلَى رَجُلٍ مِّنكُمْ لِيُنذِرَكُمْ وَلِتَتَّقُوا
وَلَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٦٣﴾

فَكَذَّبُوهُ فَأَجْنَحِينَهُ وَالَّذِينَ مَعَهُ فِي الْفُلَاكِ
وَأَعْرَفْنَا الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا إِنَّهُمْ
كَانُوا قَوْمًا عَمِينَ ﴿٦٤﴾

1 Rasul mengetahui hal-hal yang ghaib, yang tidak dapat diketahui kecuali melalui wahyu dariNya.

65. Dan kepada kaum Aad⁽¹⁾, (Kami utuskan) saudara mereka: Hud. Dia berkata: «Wahai kaumku! Sembahlah Allah, tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Maka, tidakkah kamu mahu bertaqwa kepadaNya?».
66. Ketua yang kafir daripada kaumnya berkata: «Sesungguhnya kami benar-benar melihat engkau (wahai Hud) berada dalam kebodohan, dan sesungguhnya kami fikir engkau adalah daripada orang yang berdusta».
67. Hud menjawab: «Wahai kaumku! Tidak ada padaku sebarang kebodohan tetapi aku adalah seorang rasul daripada Tuhan semesta alam».
68. «(Tugasku) menyampaikan kepada kamu perintah (yang diutuskan oleh) Tuhanku dan aku adalah pemberi nasihat yang amanah bagi kamu».
69. «Adakah kamu merasa hairan tentang datangnya peringatan daripada Tuhan melalui seorang lelaki daripada golongan kamu untuk memberi peringatan? Ingatlah ketika Allah menjadikan kamu khalifah selepas kaum Nuh. Allah juga telah menambahkan kamu kelebihan pada bentuk kejadian tubuh kamu. Maka ingatlah akan nikmat Allah semoga kamu berjaya».

﴿وَأِلَىٰ عَادِ أَخَاهُمْ هُودًا قَالَ يَا قَوْمِ
اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُ وَآفَاكُم
تَتَفَوَّنُونَ ﴿٦٥﴾﴾

﴿قَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ قَوْمِهِ إِنَّا
لَنَرِيكَ فِي سَفَاهَةٍ وَإِنَّا لَنَظُنُّكَ مِنَ
الْكَاذِبِينَ ﴿٦٦﴾﴾

﴿قَالَ يَا قَوْمِ لَيْسَ بِي سَفَاهَةٌ وَلَٰكِنِّي رَسُولٌ مِّنْ
رَّبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٦٧﴾﴾

﴿أَتَيْتُكُمْ رَسُولًا مِّن رَّبِّي وَأَنَا كُنُوزٌ نَّاصِحٌ
أَمِينٌ ﴿٦٨﴾﴾

﴿أَوْعَجِبْتُمْ أَن جَاءَكُمْ ذِكْرٌ مِّن رَّبِّكُمْ عَلَىٰ
رَجُلٍ مِّنكُمْ لِيُنذِرَكُمْ وَأَذَعُكُمْ وَإِذ
جَعَلْنَاكُمْ خَلْفَاءَ لِنُؤْتِكُمْ مِّن بَعْدِ قَوْمِ نُوحٍ
وَإِذ كُنْتُمْ فِي الْخَلْقِ بَصِطَةً فَأَذَعُوكُمُ الْآلَاءَ
اللَّهِ لَعَلَّكُمْ تَتْلَحَّحُونَ ﴿٦٩﴾﴾

1 Kaum nabi Hud a.s.

70. Mereka berkata: «Adakah engkau datang kepada kami supaya kami hanya menyembah Allah semata-mata dan meninggalkan apa yang pernah disembah oleh nenek moyang kami? Maka datangkanlah azab yang engkau janjikan kepada kami, jika engkau adalah daripada orang yang benar».
71. Hud menjawab: «Sesungguhnya kamu tetap akan ditimpa azab dan kemurkaan daripada Tuhan kamu. Adakah kamu hendak berdebat denganku mengenai nama (berhala) yang hanya kamu dan nenek moyang kamu menamakannya. Allah tidak sama sekali menurunkan sebarang bukti yang membenarkannya. Maka tunggulah, sesungguhnya aku juga termasuk orang yang menunggu bersama-sama kamu».
72. Maka Kami selamatkan dia dan orang yang bersamanya dengan rahmat dari Kami. Kami (binasakan serta) putuskan keturunan orang yang mendustakan ayat-ayat Kami. Mereka juga bukanlah orang yang beriman.
73. Dan kepada kaum Thamud⁽¹⁾ (Kami utuskan) saudara mereka Soleh. Dia berkata: «Wahai kaumku! Sembahlah Allah,

قَالُوا أَجِئْتَنَا لِنَعْبُدَ اللَّهَ وَحْدَهُ وَنَذْرَمَا
كَانَ يَعْبُدُ آبَاؤُنَا فَلَأِنَّمَا تَعْبُدُنَا أَنْ
كُنْتُمْ مِنَ الصَّادِقِينَ ﴿٧٠﴾

قَالَ قَدْ وَقَعَ عَلَيْكُمْ مِنْ رَبِّكُمْ
رَجْسٌ وَعَضْبٌ أَجْعِدُونَنِي فِي أَسْمَاءِ
سَمَيْتُمُوهَا أَنْتُمْ وَآبَاؤُكُمْ مَا نَزَّلَ
اللَّهُ بِهِمَا مِنْ سُلْطَانٍ فَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ
مَعَكُمْ مِنَ الْمُتَظِيرِينَ ﴿٧١﴾

فَأَنْجَيْنَاهُ وَالَّذِينَ مَعَهُ بِرَحْمَةٍ مِنَّا
وَقَطَعْنَا دَائِرَ الَّذِينَ كَذَبُوا بآيَاتِنَا وَمَا
كَانُوا مُؤْمِنِينَ ﴿٧٢﴾

وَإِلَى ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا قَالَ يَا قَوْمِ
اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ قَدْ

1 Kaum nabi Soleh a.s.

tiada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Sesungguhnya telah datang kepada kamu bukti yang nyata daripada Tuhan kamu. Ini adalah seekor unta betina (daripada) Allah sebagai bukti bagi kamu. Maka, biarkanlah unta itu mencari makan di bumi Allah dan janganlah kamu mengganggunya dengan sesuatu yang menyakitinya. (Kalau kamu menyentuhnya) maka kamu akan ditimpa azab yang sangat pedih».

74. «Dan ingatlah ketika Allah menjadikan kamu khalifah selepas kaum ‘Aad⁽¹⁾ dan Dia menempatkan kamu di bumi untuk kamu mendirikan istana di atas tanahnya yang rata. Kamu memahat gunung-ganangnya untuk dijadikan rumah. Maka ingatlah nikmat Allah itu dan janganlah kamu bermaharajalela melakukan kerosakan di muka bumi».

75. Ketua yang sombong daripada kaumnya berkata kepada orang yang dianggap lemah iaitu orang yang telah beriman di antara mereka: «Tahukah kamu bahawa Soleh itu diutuskan oleh Tuhannya?» Mereka menjawab: «Sesungguhnya kami beriman kepada apa yang dia diutuskan untuk menyampaikannya».

جَاءَتْكُمْ بَيْتَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ هَذِهِ نَاقَةُ
اللَّهِ لَكُمْ آيَةٌ فَذُرُّوهَا تَأْكُلُ فِي
أَرْضِ اللَّهِ وَلَا تَمْسُوهَا بِسَوْءٍ فَيَأْخُذَكُمْ
عَذَابُ الْيَوْمِ ﴿٧٦﴾

وَأَذْكُرُوا إِذْ جَعَلَكُمْ خُلَفَاءَ مِنْ بَعْدِ
عَادٍ وَبَوَّأَكُمْ فِي الْأَرْضِ تَتَّخِذُونَ
مِنْ سُهُولِهَا قُصُورًا وَتَنْحِتُونَ الْجِبَالَ
بُيُوتًا فَأَذْكُرُوا لِلَّهِ الْآلَاءَ وَلَا تَعْتُوا
فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿٧٦﴾

قَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ آسَتْكُمْ مِنْ قَوْمِهِ
لِلَّذِينَ آسْتَضِعُوا لِمَنْ ءَامَنَ مِنْهُمْ
أَتَعْلَمُونَ أَنَّ صَالِحًا مُرْسَلٌ مِنْ رَبِّهِ
قَالُوا إِنَّنَا إِنَّمَا أُرْسِلُ بِهِ مُؤْمِنُونَ ﴿٧٥﴾

1 Kaum nabi Hud a.s.

76. Orang yang sombong itu berkata: «Sesungguhnya kami tetap ingkar terhadap orang yang kamu beriman kepadanya».
77. Maka mereka pun menyembelih unta itu dan menderhaka terhadap perintah Tuhan mereka sambil berkata: «Hai Soleh! Datangkanlah azab yang engkau telah janjikan kepada kami, jika engkau adalah daripada para rasul yang diutuskan (oleh Allah)».
78. Maka, mereka pun dibinasakan oleh gempa bumi lalu mereka menjadi mayat-mayat yang bergelimpangan di tempat tinggal masing-masing.
79. Maka Soleh pun meninggalkan mereka sambil berkata: «Wahai kaumku! Aku telah menyampaikan kepada kamu perutusan Tuhanku malahan aku juga telah menasihati kamu tetapi kamu tidak suka kepada orang yang memberi nasihat».
80. Dan Lut juga (Kami utuskan). Ingatlah ketika dia berkata kepada kaumnya: «Patutkah kamu melakukan perbuatan keji⁽¹⁾ yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun daripada penduduk alam ini sebelum kamu?»
81. «Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu kamu dengan meninggalkan

قَالَ الَّذِينَ اسْتَكْبَرُوا إِنَّا بِالَّذِي
ءَامَنْتُمْ بِهِ كَافِرُونَ ﴿٧٦﴾

فَعَقَرُوا النَّاقَةَ وَعَتَوْا عَنْ أَمْرِ رَبِّهِمْ
وَقَالُوا يُصَلِّحُ اتِّخَاتِنَا إِيمَانًا تَعَدَّ تَأْيِينَ
كُنْتُمْ مِنَ الْمُرْسَلِينَ ﴿٧٧﴾

فَأَخَذَتْهُمُ الرَّجْفَةُ فَأَصْبَحُوا فِي دَارِهِمْ
جِثَمِينَ ﴿٧٨﴾

فَتَوَلَّى عَنْهُمْ وَقَالَ يَلْقَوْمَ لَقَدْ
أَبْلَغْتُكُمْ رَسُولَ رَبِّي وَوَضَّحْتُ
لَكُمْ وَلَكِنْ لَا تُحِبُّونَ التَّوْحِينَ ﴿٧٩﴾

وَلُوطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ مَا
سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ ﴿٨٠﴾

إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِنْ
دُونِ النِّسَاءِ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ ﴿٨١﴾

1 Homoseksual.

perempuan bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas».

82. Dan tidak ada jawapan daripada kaumnya selain daripada berkata: «Usirlah mereka (Lut dan pengikutnya yang taat) dari bandar kamu ini, sesungguhnya mereka adalah orang yang (mendakwa) menyucikan diri».
83. Maka Kami selamatkan dia dan keluarganya (serta pengikutnya) kecuali isterinya. Dia adalah termasuk orang yang dibinasakan.
84. Dan Kami telah menghujani mereka dengan hujan (yang membinasakan). Maka, perhatikanlah bagaimana akibat orang yang melakukan kesalahan.
85. Dan kepada penduduk Madyan⁽¹⁾ (Kami utuskan) saudara mereka Syuaib. Dia berkata: «Wahai kaumku sembahlah Allah, tiada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Sesungguhnya telah datang kepada kamu bukti yang nyata daripada Tuhan kamu. Maka, sempurnakanlah sukatan dan timbangan dan janganlah kamu kurangkan bagi manusia perkara yang menjadi haknya. Janganlah kamu melakukan kerosakan di muka bumi setelah

وَمَا كَانَتْ جَوَابَ قَوْمِهِ إِلَّا أَنْ قَالُوا
أَخْرِجُوهُمْ مِنْ قَرْيَتِكُمْ إِنَّهُمْ أَنْفُسٌ
يَبْطَهُرُونَ ﴿٨٢﴾

فَأَنْجَيْنَاهُ وَأَهْلَهُ إِلَّا أُمَّرَأَتَهُ
كَانَتْ مِنَ الْغَابِطِينَ ﴿٨٣﴾

وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ مَطَرًا فَأَنْظَرْتَهُ كَيْفَ
كَانَ عَاقِبَةُ الْمُجْرِمِينَ ﴿٨٤﴾

وَإِلَى مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شُعَيْبًا قَالَ يَا قَوْمِ
أَعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُ قَدْ
جَاءَتْكُمْ بَيِّنَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ فَأَوْفُوا
الْكَيْلَ وَالْمِيزَانَ وَلَا تَبْخَسُوا
النَّاسَ أَمْشِيَاءَ هُمْ وَلَا تُفْسِدُوا فِي
الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ
لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٨٥﴾

1 Madyan adalah nama putera nabi Ibrahim a.s yang kemudian menjadi nama kabilah yang terdiri daripada keturunan Madyan itu. Kabilah ini tinggal di suatu tempat yang bernama Madyan, terletak di pantai Laut Merah, di Tenggara Tur Sina.

Allah menjadikannya dengan sebaik-baiknya. Demikian itu lebih baik bagi kamu jika kamu adalah orang yang beriman».

86. Dan janganlah kamu duduk pada setiap jalan dengan menakutkan dan menghalangi orang yang beriman daripada melalui jalan Allah serta kamu pula menghendaki supaya jalan Allah itu terpesong. Ingatlah satu ketika bilangan kamu sedikit lalu Allah menambahkan bilangan kamu. Perhatikanlah bagaimana akibat orang yang melakukan kerusakan.
87. Dan jika ada segolongan daripada kamu beriman kepada wahyu yang aku telah diutuskan untuk menyampaikannya dan segolongan lagi tidak beriman, maka bersabarlah sehingga Allah menjalankan hukumanNya di antara kita semua. Dialah jua sebaik-baik Hakim.
88. Para ketua yang sombong daripada kaum Syuaib berkata: «Sesungguhnya kami akan mengusirmu wahai Syuaib dan orang yang beriman yang menjadi pengikutmu dari negeri kami ini atau kamu kembali kepada agama kami». Syuaib menjawab: «Adakah (kamu hendak melakukan yang demikian) sekali pun kami tidak menyukainya?

وَلَا تَقْعُدُوا بِكُلِّ صِرَاطٍ تُوعِدُونَ
وَتَصُدُّونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ مَنْ آمَنَ
بِهِ وَتَبْغُونَهَا عِوَجًا وَأَدْكُوا إِذْ
كُنْتُمْ قَلِيلًا فَكُفِّرْكُمْ وَانظُرُوا
كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُفْسِدِينَ ﴿٨٦﴾

وَإِنْ كَانَ طَآئِفَةٌ مِّنْكُمْ آمَنُوا
بِالَّذِي أُنزِلَتْ بِهِ وَطَآئِفَةٌ لَّمْ يُؤْمِنُوا
فَأَصِرُوا صِحَابًا لِّمَنْ يَحْكُمُ اللَّهُ بَيْنَنَا وَهُوَ
خَيْرُ الْحَاكِمِينَ ﴿٨٧﴾

﴿٨٨﴾ قَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ اسْتَكْبَرُوا مِن قَوْمِهِ
لَنُخْرِجَنَّكَ يَشْعِيبُ وَالَّذِينَ آمَنُوا مَعَكَ مِن
قَرْيَتِنَا أَوْ لَتَعُوذُنَّ فِي مِلَّتِنَا قَالَ أَوَلَوْ كُنَّا
كَرِهِينَ ﴿٨٨﴾

89. «Sesungguhnya kami berdusta terhadap Allah jika kami kembali kepada agama kamu selepas Allah menyelamatkan kami daripadanya. Tidaklah harus kami kembali kepadanya sama sekali kecuali jika Allah Tuhan kami, menghendakinya. Pengetahuan Tuhan kami meliputi setiap sesuatu. Kepada Allah jualah kami bertawakal. Wahai Tuhan kami, hukumkanlah antara kami dan kaum kami dengan kebenaran kerana Engkau jualah sebaik-baik Hakim».

90. Dan ketua yang kafir dari kaum Syuaib berkata: «Sesungguhnya jika kamu mengikut Syuaib pasti kamu menjadi orang yang rugi».

91. Maka mereka dibinasakan oleh gempa bumi lalu mereka menjadi mayat-mayat yang bergelimpangan di tempat tinggal masing-masing.

92. Orang yang mendustakan Syuaib (punah ranah) seolah-olah mereka tidak pernah mendiami negeri itu. Mereka yang mendustakan Syuaib adalah orang yang rugi.

93. Kemudian Syuaib meninggalkan mereka sambil berkata: «Wahai kaumku! Sesungguhnya aku telah menyampaikan kepada kamu perintah Tuhanku dan aku telah menasihati kamu. Maka aku tidak merasa sedih terhadap orang kafir (yang telah binasa itu)».

قَدِ افْتَرَيْنَا عَلَى اللَّهِ كَذِبًا ۖ اِنْ عُدْنَا فِي مِلَّتِكُمْ بَعْدَ
اِذْ بَخَّسْنَا اللَّهُ مِنْهَا وَمَا يَكُونُ لَنَا اَنْ نَعُودَ
فِيهَا اِلَّا اَنْ يَشَاءَ اللَّهُ رَبُّنَا وَسِعَ رَبُّنَا كُلَّ
شَيْءٍ عِلْمًا عَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا رَبُّنَا فَتَبَحَّ بَيْنَنَا
وَبَيْنَ قَوْمِنَا بِالْحَقِّ وَاَنْتَ خَيْرُ الْفَاتِحِينَ ﴿٨٩﴾

وَقَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ قَوْمِهِ لِيَنَّ
اَتَّبَعْتُمْ شُعَيْبًا اِنَّكُمْ اِذَا الْخَسِرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاَخَذَتْهُمُ الرَّحْفَةُ فَاصْبَحُوا فِي دَارِهِمْ جِثِيًّا ﴿٩١﴾

الَّذِينَ كَذَّبُوا شُعَيْبًا كَانُوا يَمُرُّونَ فِيهَا
الَّذِينَ كَذَّبُوا شُعَيْبًا كَانُوا هُمُ الْخٰسِرِينَ ﴿٩٢﴾

فَتَوَلَّى عَنْهُمْ وَقَالَ يَا قَوْمِ لَقَدْ اَنْبَغْتُكُمْ
رِسَالَتِ رَبِّي وَنَصَحْتُ لَكُمْ فَكَيْفَ
ءَاَسَىٰ عَلَىٰ قَوْمِ كَافِرِينَ ﴿٩٣﴾

94. Dan (Tuhan berfirman): «Kami tidak mengutuskan dalam sesebuah negeri seorang nabi (yang didustakan oleh penduduknya) melainkan Kami timpakan mereka dengan kesusahan dan penderitaan, semoga mereka merendah diri».

95. Setelah (mereka tidak juga insaf) Kami gantikan kesusahan itu dengan kesenangan hingga mereka berkembang-biak (serta bersenang-lenang) dan berkata (dengan sombongnya): «Sesungguhnya nenek moyang kami juga pernah merasa penderitaan dan kesenangan (sebagaimana yang kita rasakan)». Lalu Kami timpakan mereka (azab) secara mengejut, dan mereka tidak menyedarinya.

96. Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, pastilah Kami akan membuka kepada mereka keberkatan dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab disebabkan apa yang mereka telah usahakan.

97. Patutkah penduduk negeri-negeri itu merasa aman dengan kedatangan azab Kami kepada mereka pada malam hari ketika mereka sedang tidur?

وَمَا أَرْسَلْنَا فِي قَرْيَةٍ مِّن نَّبِيٍّ إِلَّا أَخَذْنَا أَهْلَهَا
بِالْبِاسِ وَالضَّرَاءِ لَعَلَّهُمْ يَضُرَّعُونَ ﴿٩٤﴾

ثُمَّ بَدَّلْنَا مَكَانَ السَّيِّئَةِ الْحَسَنَةَ حَتَّى
عَفَوْا وَقَالُوا قَدْ مَسَّ آبَاءَنَا الضَّرَاءُ وَالسَّرَاءُ
فَأَخَذْنَاهُمْ بَغْتَةً وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٩٥﴾

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا
عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ
وَلَكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا
يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

أَفَأَمِنَ أَهْلُ الْقُرَىٰ أَن يَأْتِيَهُمْ بَأْسُنَا
بَيْتًا وَهُمْ نَائِمُونَ ﴿٩٧﴾

98. Atau patutkah penduduk negeri itu merasa aman dengan kedatangan azab Kami kepada mereka pada siang hari, ketika mereka sedang leka bermain-main?
99. Patutkah mereka merasa aman terhadap azab yang diatur oleh Allah? Sebenarnya tidak ada yang merasa aman daripada azab yang diatur oleh Allah itu kecuali orang yang rugi.
100. Adakah (yang demikian itu tersembunyi dan) tidak jelas kepada orang yang mewarisi negeri itu selepas penduduknya (lenyap kerana ditimpa bencana) bahawa kalau Kami kehendaki tentulah Kami akan menimpakan mereka pula dengan azab disebabkan dosa mereka dan Kami meteraikan di atas hati mereka sehingga mereka tidak dapat mendengar (nasihat dan peringatan)?
101. Negeri (yang telah Kami binasakan) itu, Kami ceritakan sebahagian daripada beritanya kepadamu (wahai Muhammad). Sesungguhnya telah datang kepada mereka rasul dengan bukti yang nyata (mukjizat) sebelum ini, namun mereka tidak juga beriman kepada apa yang mereka telah mendustakannya dahulu. Demikianlah Allah meteraikan hati orang yang kafir.

أَوَأَمِنَ أَهْلُ الْقُرَىٰ أَن يَأْتِيَهُمْ بَأْسُنَا
صُحْحًا وَهُمْ يَعْبُونَ ﴿٩٨﴾

أَفَأَمِنُوا مَكْرَ اللَّهِ فَلَا يَأْمَنُ مَكْرَ
اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْخَاسِرُونَ ﴿٩٩﴾

أَوَلَمْ يَهْدِ لِلَّذِينَ يَرْتُوبُونَ أَلَا نَرَىٰ مِنْ بَعْدِ
أَهْلِهَا أَن لَّو لَشَاءَ أَصَابَتْهُمُ يُدُوبِهِمْ
وَنَضَعُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ فَهْمًا لَا يَسْمَعُونَ ﴿١٠٠﴾

تِلْكَ الْقُرَىٰ نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنبَاءِهَا
وَلَقَدْ جَاءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِالْبَيِّنَاتِ فَمَا
كَانُوا لِيُؤْمِنُوا بِمَا كَذَّبُوا مِنْ قَبْلُ
كَذَلِكَ يَطْبَعُ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِ الْكَافِرِينَ ﴿١٠١﴾

- 102.** Dan Kami tidak mendapati bagi kebanyakan mereka sebarang janji (yang ditepati). Kami juga tidak mendapati kebanyakan mereka kecuali orang yang fasiq.
- 103.** Kemudian Kami mengutuskan Musa selepas rasul itu dengan membawa ayat-ayat Kami kepada Firaun⁽¹⁾ dan ketua kaumnya lalu mereka menzalimi (kufur) akan ayat-ayat itu. Maka perhatikanlah bagaimana kesudahan orang yang melakukan kerosakan.
- 104.** Dan Musa berkata: «Wahai Firaun! Sesungguhnya aku ini adalah seorang rasul daripada Tuhan semesta alam».
- 105.** «Sudah semestinya aku tidak mengatakan sesuatu terhadap Allah kecuali yang benar. Sesungguhnya aku datang kepada kamu dengan membawa bukti yang nyata daripada Tuhan kamu. Maka bebaskanlah kaum bani Israel menyertai aku (ke Palestin)».
- 106.** Firaun menjawab: «Jika benar engkau datang dengan membawa mukjizat, maka datangkanlah ia, jika engkau adalah daripada orang yang benar».
- 107.** Musa pun mencampakkan tongkatnya maka tiba-tiba tongkatnya itu menjadi seekor ular yang nyata.

وَمَا وَجَدْنَا لِأَكْثَرِهِمْ مِنْ عَهْدٍ وَإِن وَجَدْنَا أَكْثَرَهُمْ لَفَاسِقِينَ ﴿١٠٢﴾

ثُمَّ بَعَثْنَا مِنْ بَعْدِهِم مُّوسَىٰ بِآيَاتِنَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَئِهِ ۖ فَظَلَمُوا بِهَا فَأَنْظَرُ كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُفْسِدِينَ ﴿١٠٣﴾

وَقَالَ مُوسَىٰ يَا فِرْعَوْنُ إِنِّي رَسُولٌ مِنْ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٠٤﴾

حَقِيقٌ عَلَىٰ أَنْ لَا أَقُولَ عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقَّ قَدْ جئتُكُمْ بِبَيِّنَاتٍ مِنْ رَبِّكُمْ فَأَرْسِلْ مَعِيَ بَنِي إِسْرَائِيلَ ﴿١٠٥﴾

قَالَ إِن كُنتَ جئتَ بِآيَةٍ فَآتِ بِهَا إِن كُنتَ مِنَ الصّٰدِقِينَ ﴿١٠٦﴾

فَأَلْقَىٰ عَصَاهُ فَإِذَا هِيَ ثُعْبَانٌ مُّبِينٌ ﴿١٠٧﴾

1 Firaun ialah gelaran bagi raja-raja Mesir zaman dahulu.

108. Dan Musa mengeluarkan tangannya, tiba-tiba tangannya (menjadi) putih (bersinar-sinar) bagi orang yang memerhatikannya.

وَتَرَعَّ يَدَهُ فَإِذَا هِيَ بَيْضَاءُ لِلنَّظِيرِينَ ﴿٧٨﴾

109. Ketua daripada kaum Firaun berkata: «Sesungguhnya orang ini (Musa) ialah seorang ahli sihir yang mahir».

قَالَ الْمَلَأُ مِنْ قَوْمِ فِرْعَوْنَ إِنَّ هَذَا لَسَاحِرٌ عَلِيمٌ ﴿٧٩﴾

110. «Dia hendak mengusir kamu dari negeri kamu». (Firaun bertanya): «Maka apa yang kamu syorkan?»

يُرِيدُ أَنْ يُخْرِجَكَ مِنْ أَرْضِكَ فَمَاذَا تُأْمُرُونَ ﴿٨٠﴾

111. Mereka berkata: «Tangguhkanlah dia dan saudaranya (daripada dijatuhkan sebarang hukuman) serta utuslah ke bandar (di merata-rata negeri Mesir untuk) mengumpulkan (para ahli sihir)».

قَالُوا أَرْجِهْ وَأَخَاهُ وَأَرْسِلْ فِي الْمَدَائِنِ حَاشِرِينَ ﴿٨١﴾

112. «Semua ahli sihir yang mahir akan datang kepadamu».

يَأْتُوكَ بِكُلِّ سَاحِرٍ عَلِيمٍ ﴿٨٢﴾

113. Dan datanglah ahli-ahli sihir itu kepada Firaun lalu berkata: «Benarkah kami akan mendapat ganjaran jika kami dapat menewaskannya?»

وَجَاءَ السَّحَرَةُ فِرْعَوْنَ قَالُوا إِنَّ لَنَا لَأَجْرًا إِن كُنَّا نَمُوتُ أَوْ نَحْيَىٰ ﴿٨٣﴾

114. Firaun menjawab: «Benar dan kamu sesungguhnya (kelak) termasuk orang yang hampir (denganku)».

قَالَ نَعَمْ وَإِنَّكُمْ لَمِنَ الْمُفْرَبِينَ ﴿٨٤﴾

115. Mereka berkata: «Hai Musa! Engkaukah yang akan mencampakkan (tongkatmu terlebih dahulu) atau kamikah yang akan mencampakkan (terlebih dahulu)?»

قَالُوا يَا مُوسَىٰ إِمَّا أَنْ تُلْقَىٰ وَإِمَّا أَنْ نَكُونَ نَحْنُ الْمُلْقِينَ ﴿٨٥﴾

- 116.** Musa menjawab: «Kamu Campakkanlah (dahulu)!» Maka apabila mereka mencampakkan (tongkat dan tali masing-masing), mereka menyihir mata orang ramai dan menjadikan orang itu merasa gerun serta mereka melakukan sihir yang hebat (keadaan dan caranya).
- 117.** Dan Kami wahyukan kepada Musa: «Campakkanlah tongkatmu!» Maka tiba-tiba tongkat itu menelan apa yang mereka pura-pura adakan (dengan sihir mereka).
- 118.** Maka terbuktilah kebenaran (mukjizat Musa) dan batallah (sihir) yang mereka telah lakukan.
- 119.** Maka Firaun dan ketua kaumnya telah ditewaskan di situ dan kembalilah mereka dalam keadaan yang hina.
- 120.** Dan (kemenangan Musa menjadikan) ahli sihir itu dengan serta-merta merebahkan diri mereka bersujud⁽¹⁾.
- 121.** Sambil berkata: «Kami beriman kepada Tuhan semesta alam».
- 122.** (Iaitu) Tuhan Musa dan Harun.
- 123.** Firaun berkata: «Patutkah kamu beriman kepadanya sebelum aku memberi izin kepada kamu? Sesungguhnya ini adalah perbuatan tipu daya yang kamu

قَالَ الْقَوَافِلَ مَا لَأَلْفَوْا سِحْرًا وَأَعْيُنَ النَّاسِ
وَأَسْرَهُبُوهُمْ وَجَاءَهُ وَبِسِحْرِ عَظِيمٍ ﴿١١٦﴾

* وَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ أَنْ أَلْقِ عَصَاكَ فَإِذَا هِيَ
تَلْفُفٌ مَّا يُأْتِ الْكُونَ ﴿١١٧﴾

فَوَقَعَ الْحَقُّ وَبَطَلَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١١٨﴾

فَعَلِبُوا هُنَالِكَ وَانْقَابُوا صَغِيرِينَ ﴿١١٩﴾

وَأَلْقَى السَّحَرَةُ سَجِدِينَ ﴿١٢٠﴾

قَالُوا ءَأَمَنَّا بِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٢١﴾

رَبِّ مُوسَىٰ وَهَارُونَ ﴿١٢٢﴾

قَالَ فِرْعَوْنُ ءَأَمِنْتُمْ بِهِ قُلْ بَلْ أَنْزَلْنَا لَكُمْ
إِنَّ هَذَا الْمَكْرُ مَكْرُومُهُ فِي الْمَدِينَةِ
لِنُخْرِجُوا مِنْهَا أَهْلَهَا فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿١٢٣﴾

1 Mereka terus bersujud kepada Allah s.w.t kerana meyakini kebenaran seruan nabi Musa a.s.

lakukan dalam bandar ini kerana kamu hendak mengusir penduduknya darinya. Maka kamu akan mengetahui (akibatnya)».

124. «Sesungguhnya, aku akan memotong tangan dan kaki kamu dengan bersilang, kemudian aku akan memalang kamu semua».
125. Mereka menjawab:
«Sesungguhnya kami (tidak gentar) kerana kepada Tuhan kamilah kami kembali (dan kepadaNya kami mengharapakan keampunan dan rahmat)».
126. «Dan engkau (wahai Firaun) tidak marah (dan bertindak menyeksa) kami kecuali kerana kami beriman kepada ayat-ayat Tuhan ketika ia sampai kepada kami». (Mereka berdoa): «Wahai Tuhan kami, limpahkanlah kesabaran kepada kami dan matikanlah kami dalam keadaan Islam».
127. Dan ketua daripada kaum Firaun berkata: «Adakah engkau (wahai Firaun) hendak membiarkan Musa dan kaumnya melakukan kerosakan di bumi (Mesir) lantas meninggalkanmu serta apa-apa yang dipuja olehmu?» Firaun menjawab: «Kita akan membunuh anak-anak lelaki mereka dan kita akan membiarkan anak-anak perempuan mereka hidup serta kita tetap menguasai mereka».

لَا قُطْعَانَ أَيْدِيكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ مِّنْ خَلْفٍ
ثُمَّ لَا صِلَابَ لَكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿١٢٤﴾

قَالُوا إِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا مُنْقَلِبُونَ ﴿١٢٥﴾

وَمَا تَنْقِمُ مِنَّا إِلَّا أَنْ ءَامَنَّا بِآيَاتِ رَبِّنَا لَمَّا
جَاءَنَا رَبَّنَا أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَتَوَقَّئْنَا
مُسْلِمِينَ ﴿١٢٦﴾

وَقَالَ الْمَلَأُ مِنَ قَوْمِ فِرْعَوْنَ أَتَدْرُسُونَا
وَقَوْمَهُ ۗ وَيُقْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ وَيَذُرُونَ
وَاءِ الْهَيْئَةِ قَالَ سَقِئِلُ إِنْسَاءِ هُمْ وَنَسْتَحِيءُ
بِنِسَاءِ هُمْ وَإِنَّا فَوْقَهُمْ قَاهِرُونَ ﴿١٢٧﴾

128. (Para pengikut Musa merayu lalu) Musa berkata kepada kaumnya: «Mintalah pertolongan kepada Allah dan bersabarlah, sesungguhnya bumi ini milik Allah, diwariskanNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya daripada hamba-hambaNya. Kesudahan yang baik adalah bagi orang yang bertaqwa».

129. Mereka berkata: «Kami telah dianiaya dan diperhambakan sebelum engkau datang kepada kami dan selepas engkau datang kepada kami». Musa menjawab: «Mudah-mudahan Tuhan kamu akan membinasakan musuh kamu dan menjadikan kamu khalifah di bumi. Kemudian Dia akan memerhati bagaimana pula perbuatan kamu».⁽¹⁾

130. Dan sesungguhnya Kami telah menimpakan Firaun dan kaumnya dengan musim kemarau serta kekurangan buah-buahan semoga mereka mengambil peringatan.

131. Kemudian apabila datang kepada mereka kebaikan (kesenangan), mereka berkata: «Ini ialah hasil usaha kami» dan jika mereka ditimpa keburukan (kesusahan), mereka mengatakan musibah itu disebabkan oleh Musa dan para pengikutnya. (Allah berfirman): «Ketahuilah, sesungguhnya

قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ اسْتَغِيثُوا بِاللَّهِ
وَاصْبِرُوا إِنَّ الْأَرْضَ لِلَّهِ يُورِثُهَا مَنْ يَشَاءُ
مِنَ عِبَادِهِ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٢٨﴾

قَالُوا أُوذِينَا مِنْ قَبْلِ أَنْ تَأْتِيَنَا وَمِنْ بَعْدِ مَا
جِئْتَنَا قَالَ عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَنْ يُهْلِكَ
عَذَابُكُمْ وَبَسَّتْ خَلْفَكَ فِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرَ
كَيْفَ تَعْمَلُونَ ﴿١٢٩﴾

وَلَقَدْ أَخَذْنَا آلَ فِرْعَوْنَ بِالسِّنِينَ وَنَقْصِ
مِنَ الثَّمَرَاتِ لَعَلَّهُمْ يَذَكَّرُونَ ﴿١٣٠﴾

فَإِذَا جَاءَتْهُمْ الْحَسَنَةُ قَالُوا إِنَّ هَذِهِ
تُضِيبُهُمْ سَيِّئَةٌ يَطْرُؤُا بِمُوسَىٰ وَمَنْ
مَعَهُ وَالْآيَاتُ مَا ظَلَمُوا عِنْدَ اللَّهِ
وَلَكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٣١﴾

1 Allah s.w.t akan membalas perbuatan manusia, yang baik dibalas dengan yang baik dan yang buruk dibalas dengan yang buruk.

nahas dan malang mereka itu hanya ditetapkan di sisi Allah namun kebanyakan mereka tidak mengetahui».

132. Dan mereka berkata: «Walau apa sahaja mukjizat yang engkau bawa kepada kami (wahai Musa) untuk menjalankan sihirmu kepada kami, maka kami tidak sama sekali akan beriman kepadamu».
133. (Allah berfirman): «Kami pun menghantarkan kepada mereka taufan, belalang, kutu, katak dan darah⁽¹⁾ sebagai tanda dan bukti yang jelas, namun mereka tetap juga takbur dan menjadi kaum yang menderhaka».
134. Dan apabila azab tersebut menimpa mereka, mereka berkata: «Wahai Musa! Berdoalah kepada Tuhanmu untuk kami dengan pangkat kenabian yang dikurniakanNya kepadamu. Sesungguhnya jika engkau dapat menghapuskan azab itu daripada kami, pastilah kami akan beriman kepadamu dan sudah pasti kami akan membebaskan kaum bani Israel (pergi) bersamamu».
135. (Allah berfirman): «Setelah Kami hapuskan azab itu daripada mereka sehingga ke suatu masa yang tertentu yang mereka sampai kepadanya, tiba-tiba mereka memungkirkan janjinya».

وَقَالُوا مَهْمَا تَأْتِنَا بِهِ مِنْ آيَةٍ لَيَسْحَرَنَا بِهَا
فَمَا نَحْنُ لَكَ بِمُؤْمِنِينَ ﴿١٣٢﴾

فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمُ الطُّوفَانَ وَالْجَرَادَ وَالْقُمَّلَ
وَالضَّفَادِعَ وَالدَّمَاءَ آيَاتٍ مُفَصَّلَاتٍ
فَأَسْتَكْبَرُوا وَكَانُوا قَوْمًا مُجْرِمِينَ ﴿١٣٣﴾

وَلَمَّا وَقَعَ عَلَيْهِمُ الرِّجْزُ قَالُوا لِمُوسَى ادْعُ
لَنَا رَبَّكَ بِمَا عَهِدَ عِنْدَكَ لَئِن كَشَفْتَ
عَنَّا الرِّجْزَ لَنُؤْمِنَنَّ بِكَ وَنُؤْتِيَكَ
مَعَكَ بَنِي إِسْرَائِيلَ ﴿١٣٤﴾

فَلَمَّا كَشَفْنَا عَنْهُمْ الرِّجْزَ إِلَى أَجَلٍ هُمْ
بِلَعْوِهِ إِذَا هُمْ يَنْكُتُونَ ﴿١٣٥﴾

1 Air minum mereka berubah menjadi darah.

136. Maka Kami pun membalas mereka lalu Kami menenggelamkan mereka di laut kerana mereka mendustakan ayat-ayat Kami dan mereka adalah orang yang sentiasa lalai daripadanya.

137. Dan Kami wariskan kepada kaum (bani Israel) yang telah tertindas itu daerah timur bumi (Palestin) dan daerah barat⁽¹⁾ yang telah Kami limpahkan keberkatan kepadanya. Telah sempurnalah kalimah Allah (janjiNya) yang baik kepada kaum bani Israel kerana kesabaran mereka. Kami telah menghancurkan apa yang telah dibuat oleh Firaun dan kaumnya serta apa yang mereka telah dirikan.

138. Dan Kami bawakan bani Israel ke seberang Laut (Merah) itu lalu mereka sampai kepada suatu kaum yang sedang menyembah berhala-berhala mereka. (Melihatkan yang demikian) mereka (bani Israel) berkata: «Wahai Musa buatlah untuk kami suatu tuhan (berhala) sebagaimana mereka mempunyai beberapa tuhan». Musa menjawab: «Sesungguhnya kamu ini adalah kaum yang jahil».

139. «Sesungguhnya mereka (penyembah berhala itu) akan dihancurkan ketika mereka

فَأَنتَقَمْنَا مِنْهُمْ فَأَغْرَقْنَاهُمْ فِي الْيَمِّ بِأَنَّهُمْ
كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَكَأَنُوعَهَا غَافِلِينَ ﴿١٣٦﴾

وَأَوْرَثْنَا الْقَوْمَ الَّذِينَ كَانُوا
يُستَضْعَفُونَ مَشْرِقَ الْأَرْضِ وَمِغْرِبَهَا
الَّتِي بَرَكَتْنَا فِيهَا وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ
الْحُسْنَىٰ عَلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ بِمَا صَبَرُوا
وَدَمَرْنَا مَا كَانَ يَصْنَعُ فِرْعَوْنُ وَقَوْمُهُ
وَمَا كَانُوا يُعْرِشُونَ ﴿١٣٧﴾

وَجَوَزْنَا بِبَنِي إِسْرَائِيلَ الْبَحْرَ فَأَتَوْا عَلَىٰ
قَوْمٍ يَعْبُودُونَ عَلَىٰ أَصْنَانٍ لَهُمْ قَالُوا
يَمُوسَىٰ اجْعَلْ لَنَا إِلَهًا كَمَا لَهُمْ
آلِهَةٌ قَالِ إِنَّكُمْ قَوْمٌ تَجْهَلُونَ ﴿١٣٨﴾

إِنَّ هَؤُلَاءِ مِثَرٌ مِّمَّا هُمْ فِيهِ وَيَطِلُّ مَا
كَانُوا يُعْمَلُونَ ﴿١٣٩﴾

1 Negeri Syam dan Mesir dan negeri-negeri sekitar keduanya yang pernah dikuasai Firaun dahulu.

berada di dalamnya (daripada perbuatan syirik) dan apa yang mereka lakukan itu tetap salah».

140. Musa berkata lagi: «Patutkah aku mencari tuhan untuk kamu selain daripada Allah sedangkan Dia telah melebihkan kamu ke atas seluruh manusia?»
141. Dan (Allah berfirman): «Ingatlah ketika Kami selamatkan kamu daripada Firaun dan kaumnya yang menyiksa kamu dengan azab yang seburuk-buruknya. Mereka membunuh anak-anak lelaki kamu dan membiarkan anak-anak perempuan kamu hidup. (Ingatlah) yang demikian itu adalah ujian yang besar daripada Tuhan kamu».
142. Dan Kami telah menjanjikan masa kepada Musa (untuk memberikan Taurat) selama tiga puluh malam serta Kami genapkan jumlahnya dengan sepuluh malam lagi lalu sempurnalah waktu yang telah ditentukan oleh Tuhannya empat puluh malam. Musa berkata kepada saudaranya Harun (semasa keluar menerima Taurat): «Gantikanlah aku dalam (urusan memimpin) kaumku dan perbaikilah (keadaan mereka sepeninggalanku)⁽¹⁾ dan janganlah engkau mengikut jalan orang yang melakukan kerosakan».

قَالَ أَغَيْرَ اللَّهِ أَبْغِيكُمْ إِلَهًا وَهُوَ فَضَّلَكُمْ
عَلَى الْعَالَمِينَ ﴿١٤٠﴾

وَإِذْ أَنْجَيْنَاكَ مِنَ آلِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكَ
سُوءَ الْعَذَابِ يُقْتُلُونَ أَبْنَاءَ كُمْ
وَيَسْتَحْيُونَ نِسَاءَ كُمْ وَفِي ذَلِكُمْ
بَلَاءٌ مِّنْ رَبِّكُمْ عَظِيمٌ ﴿١٤١﴾

﴿١٤٠﴾ وَوَعَدْنَا مُوسَىٰ ثَلَاثِينَ لَيْلَةً وَأَتَمَمْنَاهَا
بِعَشْرِينَ فَمَقَّتْ رَبِّيهِ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً
وَقَالَ مُوسَىٰ لِأَخِيهِ هَارُونَ اخْلُفْنِي فِي قَوْمِي
وَأَصْلِحْ وَلَا تَتَّبِعْ سَبِيلَ الْمُفْسِدِينَ ﴿١٤٢﴾

1 Perbaikilah dirimu dan kaummu serta hal-ehwal mereka.

143. Dan ketika Musa datang pada waktu yang Kami telah tentukan itu dan Tuhannya berkata-kata dengannya, maka Musa berkata: «Wahai Tuhanku! Perlihatkanlah kepadaku (zatMu Yang Maha Suci) supaya aku dapat melihatMu». Allah berfirman: «Engkau tidak sama sekali akan sanggup melihatKu tetapi pandanglah ke gunung itu, maka kalau ia tetap berada di tempatnya, pasti engkau akan dapat melihatKu», Setelah Tuhannya menzahirkan DiriNya kepada gunung itu, (maka) gunung itu menjadi hancur lebur dan Musa pun jatuh pingsan. Setelah dia sadar semula, dia berkata: «Maha Suci Engkau (wahai Tuhanku), aku bertaubat kepadaMu dan akulah orang yang pertama beriman (pada zamanku)».
144. Allah berfirman: «Wahai Musa! Sesungguhnya Aku memilihmu melebihi umat manusia (yang ada pada zamanmu), dengan membawa perutusanKu (kitab Taurat) dan dengan KalamKu. Maka, terimalah apa yang Aku kurniakan kepadamu dan jadikanlah engkau dalam kalangan orang yang bersyukur».
145. Dan Kami telah menuliskan untuk Musa pada lauh-lauh⁽¹⁾ itu, pelbagai jenis pengajaran dan

وَلَمَّا جَاءَ مُوسَىٰ لِمِيقَاتِنَا وَكَلَّمَهُ رَبُّهُ قَالَ
 رَبِّ أَرِنِي أَنْظُرْ إِلَيْكَ قَالَ لَنْ نَرِيَنِي
 وَلَكِنْ أَنْظُرْ إِلَى الْجَبَلِ فَإِنِ اسْتَقَرَّ
 مَكَانَهُ فَسَوْفَ نَرِيَنِي فَلَمَّا تَجَلَّىٰ رَبُّهُ
 لِلْجَبَلِ جَعَلَهُ دَكًّا وَخَرَّ مُوسَىٰ سُجَّدًا
 فَلَمَّا أَفَاقَ قَالَ سُبْحَانَكَ بُنْتُ إِلَيْكَ وَأَنَا
 أَوَّلُ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٤٤﴾

قَالَ يَمْوَسَىٰ إِلَىٰ أَصْطَفَيْتُكَ عَلَى النَّاسِ بِرِسَالَتِي
 وَبِكَ لَمِيَنِي فَخُذْ مَا آتَيْنَاكَ وَكُن مِّنَ
 الشَّاكِرِينَ ﴿١٤٤﴾

وَكَتَبْنَا لَهُ فِي الْأَلْوَابِ مِن كُلِّ

1 Kitab Taurat.

penjelasan bagi tiap-tiap sesuatu (dasar syariat dan hukum-hukumnya). Maka, terimalah ia (dan amalkanlah wahai Musa) dengan bersungguh-sungguh dan perintahkanlah kaummu berpegang (serta mengamalkan) dengan sebaik-baiknya (iaitu perintah-perintahNya). Aku akan memperlihatkan kepada kamu negeri orang yang fasiq⁽¹⁾.

146. Aku akan memalingkan (hati) orang yang takbur di muka bumi tanpa alasan yang benar daripada (memahami) ayat-ayatKu. Mereka (yang bersifat demikian) itu jika melihat sebarang bukti, mereka tidak beriman kepadanya sehingga jika mereka melihat jalan yang (membawa kepada) petunjuk sekali pun, mereka tidak akan mengambilnya sebagai jalan yang dilalui. Sebaliknya jika mereka melihat jalan kesesatan, mereka terus mengambilnya sebagai jalan yang dilalui. Demikian itu, kerana mereka mendustakan ayat-ayat Kami dan mereka sentiasa lalai daripadanya.

147. Dan orang yang mendustakan ayat-ayat kami dan pertemuan hari akhirat, sia-sialah perbuatan mereka. Mereka tidak diberi balasan selain daripada apa yang telah mereka lakukan.

شَيْءٍ مَّوْعِظَةً وَتَفْصِيلًا لِّكُلِّ شَيْءٍ
فَخَذَهَا بِمُؤْتَمِرَةٍ وَأَمْرَ قَوْمِكَ يَا خَذُوا بِأَحْسَنِهَا
سَأُورِيكُمْ دَارَ الْفَاسِقِينَ ﴿١٤٥﴾

سَأُصْرِفُ عَنْ آيَاتِي الَّذِينَ يَتَكَبَّرُونَ فِي
الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَإِن يَرَوْا كُلاًّ آيَةٍ
لَّا يُؤْمِنُوا بِهَا وَإِن يَرَوْا سَبِيلَ الرُّشْدِ
لَا يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا وَإِن يَرَوْا سَبِيلَ الْعَذَابِ
لَا يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَذَّبُوا
بِآيَاتِنَا وَكَانُوا عَنْهَا غَافِلِينَ ﴿١٤٦﴾

وَالَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَلِقَاءِ الْآخِرَةِ
حَاطَتِ أَعْمَالُهُمْ هَلْ يُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كَانُوا
يَعْمَلُونَ ﴿١٤٧﴾

1 Allah s.w.t akan memperlihatkan kampung orang fasiq seperti Firaun, 'Aad, Thamud dan sebagainya. Kampung-kampung itu hancur bersama mereka akibat kejahatan dan kefasiqan mereka.

148. Dan setelah pemergian Musa ke gunung Tur Sina⁽¹⁾, kaumnya membuat patung anak lembu yang bertubuh dan bersuara dari perhiasan (emas) mereka. Tidakkah mereka mengetahui bahawa patung anak lembu itu tidak boleh berbicara dengan mereka dan tidak dapat (pula) menunjukkan jalan kepada mereka? Mereka menjadikannya (sebagai sembah). Mereka adalah orang yang zalim.

149. Dan setelah mereka menyesal (dengan apa yang mereka lakukan) serta mengetahui bahawa mereka telah sesat, mereka pun berkata: «Sesungguhnya jika Tuhan kami tidak merahmati dan mengampunkan kami, pasti kami menjadi orang yang rugi».

150. Dan apabila Musa kembali kepada kaumnya dengan marah dan sedih, dia berkata: «Sangat buruk apa yang telah kamu lakukan sepeninggalanku. Mengapa kamu terburu-buru (tidak menunggu) perintah Tuhan kamu?» Dia mencampakkan lauh (yang mengandungi tulisan Taurat) itu serta dia memegang (rambut) kepala saudaranya (Harun) sambil menariknya ke arahnya. Harun berkata: «Wahai anak ibuku! Sesungguhnya kaum (bani Israel)

وَأَخَذَ قَوْمُ مُوسَىٰ مِنْ بَعْدِهِ مِنْ حُلِيِّهِمْ
عِجْلًا جَسَدًا لَهُ حُورٌ أَلْمِيزُوا أَنَّهُ
لَا يَكَلِّمُهُمْ وَلَا يَهْدِيهِمْ سَبِيلًا
اتَّخَذُوهُ وَكَانُوا ظَالِمِينَ ﴿١٤٨﴾

وَلَمَّا سَقَطَ فِي أَيْدِيهِمْ وَرَأَوْا أَنَّهُمْ قَدْ
ضَلُّوا قَالُوا لَئِن لَّمْ يَرَحْمِنَا رَبُّنَا
وَيَغْفِرْ لَنَا لَتَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿١٤٩﴾

وَلَمَّا رَجَعَ مُوسَىٰ إِلَىٰ قَوْمِهِ غَضَبًا أَن سَقَا قَالَ
يَسْمَا حَلَفْتُمْ مَن بَعْدِي أَتَّخِذْتُمْ أَمْرَ
رَبِّكُمْ وَالْقَىٰ الْأَلْوَابِ وَأَخَذَ بِرَأْسِ أَخِيهِ
يَجْرُهُ إِلَيْهِ قَالَ إِنَّ الْقَوْمَ اسْتَضَعَفُونِي
وَكَادُوا يَفْتُلُونَنِي فَلَا تُشْمِئْتِ بِذَٰلِكَ أَعْدَاءُ
وَلَا تَجْعَلْنِي مَعَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿١٥٠﴾

1 iaitu tempat nabi Musa a.s menerima wahyu daripada Allah s.w.t.

menganggapku lemah dan nyaris-nyaris mereka membunuhku (ketika aku melarang mereka). Maka, janganlah engkau menjadikan musuh bergembira melihat (tempelakmu) terhadapku dan janganlah engkau jadikan aku termasuk dalam golongan orang yang zalim».

151. Musa berdoa dengan berkata: «Wahai Tuhanku, ampunkanlah aku dan saudaraku serta masukkanlah kami ke dalam rahmatMu kerana Engkaulah sahaja Yang Maha Mengasihani daripada segala yang lain».

152. Sesungguhnya orang yang menyembah (patung) anak lembu itu akan ditimpa kemurkaan dari Tuhan mereka dan kehinaan dalam kehidupan dunia. Demikianlah Kami membalas orang yang mengada-adakan perkara yang tidak benar.

153. Orang yang melakukan kejahatan kemudian mereka bertaubat selepas itu dan beriman, sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

154. Apabila kemarahan Musa itu reda, dia pun mengambil lauh Taurat itu yang dalam naskahnya terkandung hidayah dan rahmat bagi orang yang bersungguh-sungguh takut kepada Tuhan mereka.

قَالَ رَبِّ اغْفِرْ لِي وَلِإِخِي وَأَدْخِلْنَا فِي رَحْمَتِكَ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ ﴿١٥١﴾

إِنَّ الَّذِينَ اتَّخَذُوا الْعِجْلَ سَيِّئًا لَّهُمْ عَذَابٌ مِنْ رَبِّهِمْ وَذَلَّةٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَكَذَلِكَ نَجْزِي الْمُفْتَرِينَ ﴿١٥٢﴾

وَالَّذِينَ عَمِلُوا السَّيِّئَاتِ ثُمَّ تَابُوا مِنْهُنَّ بَعْدَ ذَلِكَ وَآمَنُوا إِنَّ رَبَّكَ مِنْ بَعْدِهَا لَغَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٥٣﴾

وَلَمَّا سَكَتَ عَنْ مُوسَى الْغَضَبُ أَخَذَ الْأَلْوَاحَ وَفِي نُسُخَتِهَا هُدًى وَرَحْمَةٌ لِلَّذِينَ هُمْ لِرَبِّهِمْ يَرْهَبُونَ ﴿١٥٤﴾

155. Dan Musa memilih tujuh puluh orang lelaki daripada kaumnya (untuk di bawa bersama ke Gunung Tur sina⁽¹⁾) pada waktu yang telah kami tentukan. Maka ketika mereka digegar oleh gempa, Musa merayu dengan berkata: «Wahai Tuhanku! Jika Engkau kehendaki, Engkau boleh membinasakan mereka bersama-sama denganku sebelum ini. Adakah Engkau hendak membinasakan kami disebabkan apa yang telah dilakukan oleh orang yang bodoh di antara kami? (Apa yang mereka telah lakukan) itu hanyalah ujianMu. Dengan ujian itu Engkau sesatkan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkau beri hidayah kepada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkau jualah Pelindung kami. Maka, ampunkanlah kami dan rahmatilah kami kerana Engkau jualah sebaik-baik Pemberi keampunan».

156. «Dan tetapkanlah untuk Kami kebaikan di dunia ini dan juga di akhirat, sesungguhnya kami kembali kepadaMu». Allah berfirman: «Aku akan timpakan azabKu kepada sesiapa yang Aku kehendaki dan rahmatKu meliputi tiap-tiap sesuatu. Maka Aku akan menentukannya bagi orang yang bertaqwa dan yang memberi zakat serta orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami».

وَاخْتَارَ مُوسَىٰ قَوْمَهُ سَبْعِينَ رَجُلًا لِّمِيقَاتِنَا
فَلَمَّا أَخَذَتْهُمُ الرَّجْفَةُ قَالَ رَبِّ لَوْ شِئْتَ
أَهْلَكْتَهُمْ مِّن قَبْلُ وَإِنِّي أَنهَلِكُمَا يَمَّا فَعَل
السَّفَهَاءَ مِمَّا إِن هِيَ إِلَّا فِتْنَتُكَ تُضِلُّ بِهَا
مَن نَّشَاءُ وَتَهْدِي مَن تَشَاءُ إِنَّتَ وَلِيُّنَا فَاغْفِرْ لَنَا
وَارْحَمْنَا وَأَنْتَ خَيْرُ الْغَافِرِينَ ﴿١٥٥﴾

﴿وَكَتُبْنَا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ إِنَّا هُدُّنَا إِلَيْكَ قَالَ عَدَاوِي
أُصِيبُ بِهِ مَن أَشَاءُ وَرَحْمَتِي وَسِعَتْ كُلَّ
شَيْءٍ فَسَأَكُفُّهَا لِلَّذِينَ يَتَّقُونَ وَيُؤْتُونَ
الزَّكَاةَ وَالَّذِينَ هُمْ بِآيَاتِنَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٥٦﴾﴾

1 iaitu tempat nabi Musa a.s menerima wahyu daripada Allah s.w.t.

157. «Iaitu orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad) nabi yang ummi⁽¹⁾ yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Dia menyuruh mereka melakukan perkara yang baik, melarang mereka daripada melakukan perkara yang keji, menghalalkan bagi mereka segala yang baik, mengharamkan kepada mereka segala yang buruk dan menghapuskan daripada mereka beban serta belunggu yang ada pada mereka. Maka orang yang beriman kepadanya, memuliakannya dan juga menolongnya serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (al-Quran), mereka itulah orang yang berjaya».

158. Katakanlah (wahai Muhammad): «Wahai manusia! Sesungguhnya aku adalah pesuruh Allah kepada kamu semuanya, (diutus oleh Allah) Yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan kecuali Dia yang menghidupkan dan mematikan. Maka, berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kalimah-kalimahNya. Ikutilah dia, semoga kamu mendapat hidayah».

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ
الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي
التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ
الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ
الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ فَالَّذِينَ آمَنُوا بِهِ
وَعَزَّزُوا وَتَصَرَّفُوا فِي النَّوْرِ الَّذِينَ
أُنزِلَ مَعَهُ ۗ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٥٧﴾

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ
جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضِ ۗ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ
فَمَا مَنُوبٌ لِلَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيُّ الْأُمِّيَّ
الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ ۗ وَاتَّبِعُوهُ
لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥٨﴾

1 Tidak tahu membaca dan menulis.

159. Dan antara kaum Musa, ada sekelompok manusia yang memberi hidayah dengan perkara-perkara yang hak dan dengannya mereka menjalankan keadilan.
160. Dan kami membahagikan mereka (bani Israel) menjadi dua belas suku, yang besar jumlahnya, Kami telah mewahyukan kepada Musa, ketika kaumnya meminta air kepadanya: «Pukullah batu itu dengan tongkatmu.» Maka terpancarlah darinya dua belas mata air. Setiap golongan mengetahui tempat minum masing-masing. Kami naungi mereka dengan awan. Kami turunkan kepada mereka «Mann»⁽¹⁾ dan «Salwa»⁽²⁾. (Lalu Kami berfirman): «Makanlah daripada makanan yang baik-baik yang Kami telah kurniakan kepada kamu». Mereka tidak menzalimi Kami tetapi mereka menzalimi diri mereka sendiri.
161. Dan (ingatlah) ketika dikatakan kepada mereka (bani Israel): «Tinggallah dalam bandar ini dan makanlah daripada apa sahaja yang kamu sukai serta berdoalah dengan berkata: (Wahai Tuhan kami) gugurkanlah (dosa kami). Kemudian masuklah melalui pintu (bandar) itu dengan merendah diri supaya Kami

وَمِنْ قَوْمِ مُوسَى أُمَّةٌ يَهْدُونَ بِالْحَقِّ
وَبِهِ يَعْدِلُونَ ﴿١٥٩﴾

وَقَطَعْنَا لَهُمُ اثْنَيْ عَشَرَ نَبِطًا أُمَّةً
وَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ إِذِ اسْتَسْقَاهُ
قَوْمُهُ أَنِ اضْرِبْ بِعَصَاكَ الْحَجَرَ
فَانبَجَسَتْ مِنْهُ اثْنَا عَشَرَ عَيْنًا قَدْ
عَلِمَ كُلُّ أَنَاثٍ مَّسَرَّهَهُمْ وَظَلَّلْنَا
عَلَيْهِمُ الْعَنَمَ وَأَنْزَلْنَا عَلَيْهِمُ الْمَنَّ
وَالسَّلْوَىٰ كُلُّ مَن طَيَّبَتْ مَا
رَزَقْنَاهُمْ وَمَا ظَلَمُونَا وَلَكِن
كَانُوا أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿١٦٠﴾

وَإِذْ قِيلَ لَهُمُ اسْكُنُوا هَذِهِ الْقَرْيَةَ
وَكُلُوا مِنْهَا حَيْثُ شِئْتُمْ وَقُولُوا حِطَّةٌ
وَادْخُلُوا الْبَابَ سُجَّدًا نَّعْفِرْ لَكُمْ
خَطِيئَتَكُمْ سَأَيُزِيدُ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٦١﴾

1 Makanan manis seperti madu.

2 Burung seperti puyuh.

mengampunkan dosa kamu. Kami akan menambah (ganjaran) bagi orang yang melakukan kebaikan».

162. Maka orang yang zalim di antara mereka menukarkan perintah itu dengan perkataan⁽¹⁾ yang tidak dikatakan kepada mereka. Maka, Kami timpakan azab dari langit terhadap mereka kerana kezaliman yang mereka lakukan.

فَبَدَّلَ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ قَوْلًا غَيْرَ
الَّذِي قِيلَ لَهُمْ فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِجْزًا
مِّنَ السَّمَاءِ بِمَا كَانُوا يَظْلِمُونَ ﴿١٦٢﴾

163. Dan tanyakanlah kepada mereka (wahai Muhammad) mengenai (penduduk) bandar yang letaknya di sekitar laut⁽²⁾ ketika mereka melanggar larangan⁽³⁾ pada hari Sabtu. Ketika datang kepada mereka pada hari Sabtu itu ikan (yang menjadi ujian kepada) mereka yang kelihatan timbul di muka air sedangkan pada hari-hari lain, ikan itu tidak pula datang kepada mereka. Demikianlah kami menguji mereka (dengan ujian itu) kerana mereka sentiasa berlaku fasiq.

وَسَأَلْتَهُمْ عَنِ الْقَرْيَةِ الَّتِي كَانَتْ
حَاضِرَةَ الْبَحْرِ إِذْ يَعْدُونَ فِي السَّبْتِ
إِذْ تَأْتِيهِمْ جِبَانُهُمْ يَوْمَ سَبْتِهِمْ شُرَّعًا
وَيَوْمَ لَا يَأْتِيهِمْ لَأَن تَأْتِيَهُمْ كَذَلِكَ
بَبَلُوهُمْ بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ ﴿١٦٣﴾

164. Dan (ingatlah) ketika segolongan di antara mereka berkata: «Mengapa kamu perlu menasihati kaum yang Allah sudah tentu akan membinasakan atau menyeksa mereka dengan azab

وَإِذْ قَالَتْ أُمَّةٌ مِنْهُمْ لِمَ يَنصُرُونَ قَوْمًا لَّا
يُهْلِكُهُمْ اللَّهُ وَهُمْ مُّذَّبُونَ عَذَابًا سَدِيدًا قَالُوا لِمَ
مَعَذَرَةَ إِلَىٰ رَبِّكُمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿١٦٤﴾

1 Mereka diperintahkan untuk mengucapkan; “Hittatun” (bererti mohon dilepaskan dari dosa) tetapi mereka mengubahnya seraya mencemuh dan mengucapkan: “Hintatun fi sya‘irah”(bermaksud gandum).

2 Iaitu kota Eilah yang terletak di pantai Laut Merah antara kota Madyan dan Tur Sina.

3 Mereka tidak boleh bekerja pada hari Sabtu, kerana hari Sabtu itu dikhususkan hanya untuk beribadah.

yang sangat dahsyat?» Orang (yang memberi nasihat) itu menjawab: «(Nasihat itu ialah) untuk melepaskan diri dari bersalah kepada Tuhan kamu dan semoga mereka bertaqwa».

165. Maka ketika mereka melupakan apa yang telah diperingatkan kepada mereka, Kami selamatkan orang yang melarang daripada perbuatan jahat itu. Setelah itu Kami timpakan orang yang zalim dengan azab yang sangat dahsyat disebabkan mereka berlaku fasiq.
166. Maka setelah mereka sombong kepada apa yang mereka telah dilarang melakukannya, Kami katakan kepada mereka: «Jadilah kamu seekor kera yang hina».
167. (Ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu memberitahu bahawa sesungguhnya Dia pasti akan mengutuskan kepada kaum Yahudi itu (terus menerus) hingga hari kiamat kaum yang akan menimpakan mereka dengan azab yang seburuk-buruknya. Sesungguhnya Tuhanmu sangat cepat azabNya dan sesungguhnya Dia juga Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.
168. Kami pecahkan mereka (kaum Yahudi) kepada beberapa golongan di dunia ini. Di antara mereka ada yang soleh dan ada yang tidak. Kami uji mereka

فَلَمَّا نَسُوا مَا ذُكِّرُوا بِهِ أَجْمَعًا الَّذِينَ
يَنْهَوْنَ عَنِ السُّوءِ وَأَخَذْنَا الَّذِينَ ظَلَمُوا
بِعَذَابٍ بَئِيسٍ بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ ﴿١٦٥﴾

فَلَمَّا عَتَوْا عَنْ مَا نُهُوا عَنْهُ قُلْنَا لَهُمْ كُونُوا قِرَدَةً
خَاسِيَةً ﴿١٦٦﴾

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكَ لَيَسَعَتَّنَّ عَلَيْهِمُ إِلَى يَوْمِ
الْقِيَامَةِ مَن يَسُوءُهُمْ سُوءَ الْعَذَابِ إِنَّ رَبَّكَ
لَسَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٦٧﴾

وَقَطَّعْنَا لَهُمْ فِي الْأَرْضِ أُمَّمًا مِّنْهُمْ الصَّالِحِينَ
وَمِنْهُمْ دُونَ ذَلِكَ وَبَلَّوْنَهُمْ بِالْحَسَنَاتِ
وَالسَّيِّئَاتِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿١٦٨﴾

dengan nikmat pemberian yang baik dan bencana yang buruk, semoga mereka kembali (bertaubat).

169. Maka datanglah selepas mereka generasi (yang jahat) yang mewarisi al-Kitab⁽¹⁾. Mereka mengambil harta dunia yang hina ini sambil berkata: «Dosa kami akan diampunkan kelak». Sedangkan jika datang kepada mereka harta dunia yang hina seperti itu mereka akan mengambilnya lagi. Bukankah telah diambil perjanjian setia daripada mereka di dalam al-Kitab (Taurat) bahawa mereka tidak akan mengatakan terhadap Allah kecuali yang benar? Mereka pula telah mempelajari apa yang terkandung di dalamnya? Begitu juga (mereka mengetahui bahawa) negeri akhirat itu lebih baik bagi orang yang bertaqwa. Tidakkah kamu berfikir?

170. Dan orang yang berpegang teguh dengan al-Quran serta mendirikan solat, sesungguhnya Kami tidak akan menghilangkan pahala orang yang berusaha memperbaiki (keadaannya).

171. Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Kami mengangkat gunung (Tursina) ke atas mereka (bani

فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ وَرِثُوا الْكِتَابَ
يَأْخُذُونَ عَرَضَ هَذَا الْأَدْنَى وَيَقُولُونَ
سَيُعْفَرُ لَنَا وَإِن يَأْتِيهِمْ عَرَضٌ مِثْلَهُ يَأْخُذُوهُ
أَلَمْ يُؤْخَذْ عَلَيْهِمْ مِيثَاقُ الْكِتَابِ أَن لَا يَقُولُوا
عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقَّ وَدَرَسُوا مَا فِيهِ وَالذَّارُ الْآخِرَةُ
خَيْرٌ لِلَّذِينَ يَتَّقُونَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٦٩﴾

وَالَّذِينَ يَمْسِكُونَ بِالْكِتَابِ وَأَقَامُوا
الصَّلَاةَ إِنَّا لَا نَضِيعُ أَجْرَ الْمُصَلِّينَ ﴿١٧٠﴾

﴿ وَإِذْ نَتَقْنَا الْجَبَلَ فَوْقَهُمْ كَأَنَّهُ ظُلَّةٌ وَظَنُّوا
أَنَّهُ وَاقِعٌ بِهِمْ خُذُوا مَا آتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ
وَأَذْكُرُوا مَا فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٧١﴾

1 Kitab Taurat.

Israel) seolah-olah gunung itu awan (yang menaungi mereka). Mereka juga yakin bahwa gunung itu akan jatuh menimpa mereka. (Kami berfirman kepada mereka): «Terimalah dengan bersungguh-sungguh (kitab Taurat) yang telah Kami berikan kepada kamu. Ingatlah (amalkanlah) apa yang terkandung di dalamnya, semoga kamu menjadi orang yang bertaqwa».

172. Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak Adam daripada (tulang) belakang mereka. Dia menjadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Dia bertanya dengan firmanNya): «Bukankah Aku Tuhan kamu?» Mereka menjawab: «Benar, kami menjadi saksi». Yang demikian agar kamu tidak mengatakan pada hari kiamat kelak: «Sesungguhnya kami lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini».

173. Atau agar kamu tidak mengatakan: «Sesungguhnya ibu bapa kamilah yang melakukan syirik dahulu sedang kami ialah keturunan (mereka) yang datang kemudian daripada mereka. Maka, patutkah Engkau (wahai Tuhan kami) hendak membinasakan kami disebabkan perbuatan orang yang sesat itu?»

وَإِذْ أَخَذْنَا مِنْ بُنَىٰ آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَنْ تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ ﴿١٧٢﴾

أَوْ تَقُولُوا إِنَّمَا أَشْرَكَ آبَاؤُنَا مِنْ قَبْلُ وَكُنَّا ذُرِّيَّةً مِنْ بَعْدِهِمْ أَفَتُهْلِكُنَا بِمَا فَعَلَ الْمُبْطِلُونَ ﴿١٧٣﴾

174. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat Kami satu persatu, semoga mereka kembali.
175. Bacakanlah kepada mereka (wahai Muhammad) berita seseorang yang kami berikannya (pengetahuan mengenai) ayat-ayat Kami. Kemudian dia menjadikan dirinya terkeluar daripada mematumhinya, lalu dia diikuti oleh syaitan (dengan godaannya), maka dia menjadi orang yang sesat.
176. Dan kalau Kami kehendaki pasti Kami tinggikan pangkatnya dengan ayat-ayat itu. Namun dia bermati-matian cenderung kepada dunia dan mengikut nafsunya, maka perumpamaannya adalah seperti anjing, jika engkau menghalaunya, ia menghulurkan lidahnya termengah-mengah dan jika engkau membiarkannya, ia juga menghulurkan lidahnya termengah-mengah. Demikianlah perumpamaan orang yang mendustakan ayat-ayat Kami. Maka ceritakanlah kisah itu semoga mereka berfikir.
177. Sangat buruk perumpamaan orang yang mendustakan ayat-ayat Kami dan mereka pula melakukan kezaliman kepada diri mereka sendiri.
178. Sesiapa yang diberi hidayah oleh Allah maka dialah yang mendapat hidayah. Sesiapa yang disesatkan oleh Allah maka mereka itulah orang yang rugi.

وَكَذَلِكَ نَفْصِلُ الْآيَاتِ وَلَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٧٤﴾

وَأْتَلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ الَّذِي آتَيْنَاهُ آيَاتِنَا فَاسْلَخَ مِنْهَا فَاتَّبَعَهُ الشَّيْطَانُ فَكَانَ مِنَ الْعَاوِينَ ﴿٧٥﴾

وَلَوْ شِئْنَا لَرَفَعْنَاهُ بِهَا وَلَٰكِنَّهُ أَخْلَدَ إِلَى الْأَرْضِ وَاتَّبَعَ هَوَاهُ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ الْكَلْبِ إِنْ تَحْمِلَ عَلَيْهِ يَلْهَثُ أَوْ تَتْرُكْهُ يَلْهَثُ ذَلِكَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا فَاقْصِرْ الْقَصَصَ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٧٦﴾

سَاءَ مَثَلًا الْقَوْمُ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَأَنْفُسُهُمْ كَانُوا بِظُلْمٍ ﴿٧٧﴾

مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدَىٰ وَمَنْ يُضِلِّ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿٧٨﴾

- 179.** Sesungguhnya Kami jadikan untuk penghuni neraka Jahannam ramai daripada golongan jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat Allah) dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) serta yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat). Mereka itu seperti binatang ternakan bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang yang lalai.
- 180.** Allah mempunyai nama-nama yang baik, maka berdoalah kepadaNya dengan menyebut nama-nama itu dan tinggalkanlah orang yang berpaling daripada kebenaran ketika menggunakan namaNya. Mereka akan mendapat balasan terhadap apa yang mereka telah lakukan.
- 181.** Di antara orang yang Kami ciptakan itu, ada satu umat yang memberi hidayah dengan kebenaran dan dengannya mereka berlaku adil.
- 182.** Dan orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, Kami akan menarik mereka sedikit demi sedikit (ke jurang kebinasaan) mengikut cara yang mereka tidak mengetahuinya.

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالإِنسِ لَهُمْ قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ آذَانٌ لَا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ كَانُوا لَنَا نَعَمًا بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٧٩﴾

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا وَذُرُوا الَّذِينَ يَلْحَدُونَ فِي الْأَسْمَاءِ سَيَّجِرُونَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٨٠﴾

وَمِمَّنْ خَلَقْنَا أُمَّةٌ يَهْدُونَ بِالْحَقِّ وَبِهِ يَعْدِلُونَ ﴿١٨١﴾

وَالَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا سَنَسْتَدْرِجُهُم مِّنْ حَيْثُ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨٢﴾

183. Dan Aku memberi tempoh kepada mereka. Sesungguhnya perancanganKu sangat teguh.
184. Patutkah mereka (ingkar) tidak mahu memikirkan (bahawa) sahabat mereka (Muhammad) tidak sama sekali menghidap penyakit gila bahkan dia hanyalah seorang (pesuruh Allah) pemberi peringatan yang nyata.
185. Apakah mereka tidak memerhatikan kerajaan langit dan bumi serta segala yang diciptakan oleh Allah, bahawa barangkali telah dekat kebinasaan mereka? Maka kepada perkataan yang mana lagi selepas (datangnya Kalamullah al-Quran) itu mereka mahu beriman?
186. Sesiapa yang disesatkan oleh Allah (kerana keingkarannya), maka tidak ada sesiapa pun yang akan dapat memberi hidayah kepadanya. Malahan Allah membiarkan mereka meraba-raba (kebingungan) dalam kesesatan mereka.
187. Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang hari kiamat: «Bilakah masa datangnya?» Katakanlah: «Sesungguhnya ilmu mengenainya hanyalah ada di sisi Tuhanku, tidak ada sesiapa pun yang dapat menerangkan kedatangan waktunya kecuali Dia. (Huru-hara) hari kiamat itu sangat dahsyat (menggerunkan

وَأَمَلِي لَهُمْ إِنْ كِيدِي مَتِينٌ ﴿١٨٣﴾

أَوَلَمْ يَتَفَكَّرُوا مَا بِصَاحِبِهِمْ مِنْ جِنَّةٍ إِنْ هُوَ إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿١٨٤﴾

أَوَلَمْ يَنْظُرُوا فِي مَلَكُوتِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ وَأَنْ عَسَى أَنْ يَكُونَ قَدِ اقْتَرَبَ أَجَلُهُمْ فَبِأَيِّ حَدِيثٍ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ ﴿١٨٥﴾

مَنْ يُضِلِلِ اللَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ وَيَذَرُهُمْ فِي طُغْيَانِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿١٨٦﴾

يَسْأَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَاهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ رَبِّي لَا يُجَلِّيهَا لِوَقْتِهَا إِلَّا هُوَ ثَقُلَتْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا تَأْتِيكُمُ إِلَّا بَعْثَةً يَسْأَلُونَكَ كَأَنَّكَ حَفِيٌّ عَنْهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ اللَّهِ وَلَكِنِّي أُنذِرُ النَّاسَ لَئِنْ يَأْمُرُونَ ﴿١٨٧﴾

segala makhluk yang ada) di langit dan di bumi. Ia tidak datang kepada kamu kecuali secara mengejut». Mereka bertanya kepadamu seolah-olah engkau benar-benar mengetahuinya. Katakanlah: «Sesungguhnya ilmu tentang hari kiamat itu hanyalah di sisi Allah tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui».

188. Katakanlah: «Aku tidak berkuasa mendatangkan manfaat bagi diriku dan tidak dapat menolak mudarat kecuali apa yang dikehendaki Allah. Kalaulah aku mengetahui perkara yang ghaib, pastilah aku akan banyak mengumpulkan kebaikan dan (tentulah) aku tidak ditimpa kesusahan. Aku ini tidak lain hanyalah (pesuruh Allah) pemberi peringatan juga pembawa berita gembira bagi orang yang beriman».

189. Dialah (Allah) yang menciptakan kamu daripada (hakikat) diri yang satu. Dia juga telah menjadikan daripadanya pasangan (suami isteri) agar dia merasa mesra dan tenang kepadanya. Ketika suami mencampuri isterinya, mengandunglah dia dengan kandungan yang ringan serta teruslah dia dengan keadaan itu (hingga ke suatu waktu). Kemudian ketika dia merasa beban (bimbang) berdoalah suami

قُلْ لَا أَمْلِكُ لِنَفْسِي نَفْعًا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ وَلَوْ كُنْتُ أَعْلَمُ الْغَيْبِ لَأَسْتَكْثِرْتُ مِنَ الْخَيْرِ وَمَا مَسَّنِيَ السُّوءُ إِنْ أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١٨٨﴾

﴿هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَجَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا لِيَسْكُنَ إِلَيْهَا فَلَمَّا تَغَشَّاهَا حَمَلَتْ حَمْلًا خَفِيفًا فَمَرَّتْ بِهِ فَلَمَّا أَثْقَلَتْ دَعَا اللَّهَ رَبَّهُمَا لَئِنْ آتَيْتَنَا صَبَالًا لَنَكُونَنَّ مِنَ الشَّاكِرِينَ ﴿١٨٩﴾﴾

isteri itu kepada Tuhan mereka (dengan berkata): «Sesungguhnya jika Engkau (wahai Tuhan kami) mengurniakan kami anak yang sempurna, pastilah kami menjadi orang yang bersyukur».

- 190.** Kemudian ketika Allah mengurniakan kepada keduanya anak yang soleh, mereka berdua menjadikan bagi Allah sekutu kepada apa yang dikurniakan Allah kepada mereka. Maha Suci Allah daripada apa yang mereka sekutukan itu.
- 191.** Patutkah mereka menyekutukan Allah dengan apa yang tidak dapat mencipta apa-apa, sedangkan dia sendiri diciptakan?
- 192.** Dan ia tidak dapat menolong mereka dan tidak juga dapat menolong dirinya sendiri.
- 193.** Dan jika kamu (kaum musyrik) menyeru sesuatu untuk mendapat hidayah (daripadanya), mereka tidak dapat mengikut (menyampaikan hajat) kamu. Sama sahaja bagi kamu, sama ada kamu menyerunya atau mendiamkan diri.
- 194.** Sesungguhnya apa yang kamu seru selain Allah adalah makhluk seperti kamu. Maka, (cubalah) menyerunya supaya ia dapat memperkenankan permohonan kamu, kalau kamu adalah orang yang benar.

فَلَمَّآءَ آتَاهُمَا صَبْرًا جَعَلَا لَهُ شُرَكَآءَ فِيمَا
ءَاتَاهُمَا فَتَعَلَىٰ ٱللَّهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿١٩٠﴾

أَيْشُرِكُونَ مَا لَا يَخْلُقُ سَيِّئًا وَهُمْ يُخْلِقُونَ ﴿١٩١﴾

وَلَا يَسْتَطِيعُونَ لَهُمْ نَصْرًا وَلَا أَنفُسُهُمْ
يَنْصُرُونَ ﴿١٩٢﴾

وَإِن تَدْعُوهُمْ إِلَى ٱلْهُدَىٰ لَا يَتَّبِعُواكُمْ سَوَآءٌ
عَلَيْكُمْ أَدْعَوْتُهُمْ أَمْ أَن تَدْعُوا لَهُمْ صَمِيمُونَ ﴿١٩٣﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ عِبَادٌ
أَمْثَلُكُمْ فَاذْعَبُوا لَهُمْ فَلَيْسَ لَكُم بِهِمْ
لَكُمْ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿١٩٤﴾

195. Adakah apa (yang kamu sembah) itu mempunyai kaki yang mereka dapat berjalan dengannya atau adakah mereka mempunyai tangan yang mereka dapat memegang (menyiksa) dengannya atau adakah mereka mempunyai mata yang mereka dapat melihat dengannya atau adakah mereka mempunyai telinga yang mereka dapat mendengar dengannya? Katakanlah (wahai Muhammad): «Serulah apa yang kamu jadikan sekutu Allah, kemudian kamu jalankanlah tipu daya terhadapku serta jangan pula kamu bertanggung lagi».

196. «Sesungguhnya pelindungku ialah Allah yang telah menurunkan al-Quran dan Dialah jua yang menolong dan melindungi orang yang melakukan kebaikan».

197. Dan apa yang kamu sembah selain Allah tidak akan dapat menolong kamu bahkan tidak dapat menolong dirinya sendiri.

198. Dan jika kamu menyeru sesuatu (yang kamu sembah) untuk mendapat hidayah (daripadanya), mereka tidak dapat mendengarnya dan kamu nampak ia memandangnya sedangkan mereka tidak melihat.

أَلْهَمُ أَرْجُلٌ يَمْشُونَ بِهَا أَلْهَمُ أَيْدٍ
يَبْطِشُونَ بِهَا أَلْهَمُ أَعْيُنٌ يُبْصِرُونَ
بِهَا أَلْهَمُ آذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا قُلْ أَدْعُوا
شُرَكَاءَ كُفُوتِكُمْ كِيدُونَ فَلَا تَنْظُرُونَ ﴿١٩٥﴾

إِنَّ وَلِيِّ اللَّهِ الَّذِي نَزَّلَ الْكِتَابَ وَهُوَ
يَتَوَلَّى الصَّالِحِينَ ﴿١٩٦﴾

وَالَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ لَا يَسْمَعُونَ
نَصْرَكُمْ وَلَا أَنْفُسَهُمْ يَبْصُرُونَ ﴿١٩٧﴾

وَإِنْ تَدْعُوهُمْ إِلَى الْهُدَىٰ لَا يَسْمَعُوا وَتَرَاهُمْ
يَنْظُرُونَ إِلَيْكَ وَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ ﴿١٩٨﴾

199. Jadilah engkau seorang yang pemaaf dan suruhlah dengan perkara yang baik serta hindarilah orang yang jahil.
200. Dan jika engkau dihasut oleh hasutan daripada syaitan, maka mintalah perlindungan kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.
201. Sesungguhnya orang yang bertaqwa, apabila mereka disentuh oleh sesuatu imbasan hasutan daripada syaitan, mereka ingat (kepada ajaran Allah) maka dengan itu mereka melihat (jalan yang benar).
202. Dan saudara-saudara mereka (orang kafir dan fasiq) membantu syaitan dalam melakukan kesesatan dan mereka tidak henti-henti (menyesatkan).
203. Dan apabila engkau (wahai Muhammad) tidak mendatangkan kepada mereka suatu ayat al-Quran, mereka berkata: «Mengapa engkau tidak bersusah payah membuat sendiri ayat itu?» Katakanlah: «Sesungguhnya aku hanya mengikut apa yang diwahyukan kepadaku daripada Tuhanku. Al-Quran ini ialah panduan dan hidayah daripada Tuhan kamu serta menjadi rahmat bagi orang yang beriman».

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ
الْجَاهِلِينَ ﴿١٩٩﴾

وَإِمَّا يَنْزَغَنَّكَ مِنَ الشَّيْطَانِ نَزْعٌ فَاسْتَعِذْ
بِاللَّهِ إِنَّهُ وَسَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٠٠﴾

إِنَّ الَّذِينَ اتَّقَوْا إِذَا مَسَّهُمْ طَائِفٌ مِّنَ
الشَّيْطَانِ تَذَكَّرُوا فَإِذَا هُمْ مُبْصِرُونَ ﴿٢٠١﴾

وَإِخْوَانُهُمْ يَمُدُّوهُم فِي الْغِيِّ ثُمَّ لَا
يُقْصِرُونَ ﴿٢٠٢﴾

وَإِذَا لَمْ تَأْتِنِهِمْ بَيِّنَةٌ قَالُوا لَوْلَا اجْتَبَيْتَهَا
قُلْ إِنَّمَا أَتَّبِعُ مَا يُوحَىٰ إِلَيَّ مِنْ رَبِّي هَذَا
بَصَائِرٍ مِّنْ رَبِّيكُمْ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ
يُؤْمِنُونَ ﴿٢٠٣﴾

204. Dan apabila al-Quran itu dibacakan, maka dengarkanlah ia serta diam (dan perhatikanlah dengan teliti) semoga kamu dirahmati.
205. Dan sebutlah (nama) Tuhanmu dalam hatimu dengan merendah diri dan rasa takut dan dengan tidak menyaringkan suara di waktu pagi dan petang serta janganlah engkau termasuk orang yang lalai.
206. Sesungguhnya mereka (malaikat) yang ada di sisi Tuhanmu tidak ingkar daripada beribadat kepadaNya. Mereka sentiasa bertasbih bagiNya serta kepadaNya lah jua mereka bersujud.

وَإِذَا فُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا
لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٠٤﴾

وَأَذْكُرْ رَبَّكَ فِي نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً
وَدُونَ الْجَهْرِ مِنَ الْقَوْلِ بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ
وَلَا تَكُنْ مِنَ الْغَافِلِينَ ﴿٢٠٥﴾

إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ رَبِّكَ لَا يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ
عِبَادَتِهِمْ وَيُسَبِّحُونَهُ وَلَهُ يَسْجُدُونَ ﴿٢٠٦﴾

